

Citra Budaya

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن كبودايان دان كسنيان نكارا

ISSN 2180 - 009 X - BIL 2 / 2017

DOKUMENTASI & PENERBITAN
MENJADI
Legasi
PENYAMBUNG SENI BUDAYA





Coret-Coret Editor
Zuriah Mohamad

'Kejayaan tak datang bergolek..
datangnya bermula dengan
percubaan. Cari kejayaan, laksanakan
perubahan. Jangan hanya direnung
gunung yang tinggi, bangkit dan terus
mendaki.. jangan hanya tunduk
memandang tangga, pandang ke
hadapan aturkan langkah dengan
bangga.'

'Peluang yang besar itu datang secara
tiba-tiba.. datang tidak menentu masa..
Datang di saat kita kesempitan atau
kesusahan. Nilailah peluang itu dengan
secara bijaksana. Rebutlah peluang yang
besar itu, kerana peluang yang besar itu
boleh berlalu dengan tiba-tiba. Jangan
jadikan seribu alasan untuk tidak merebut
peluang yang besar itu'..
– Kata Hikmat Prof. Dr. Hamka

CITRA BUDAYA JKKN merupakan penerbitan
yang berperanan dalam menyampaikan wadah
dan matlamat kepada masyarakat dalam
usaha merealisasikan penyemarakkan dan
pemeliharaan seni budaya. Ia diterbitkan tiga (3)
kali setahun.

Sidang editorial CITRA BUDAYA JKKN sangat
mengalu-alukan sumbangan anda dalam
sebarang bentuk karya seperti artikel, rencana,
pantun, puisi, cerpen dan sebagainya.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada :
Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan,
Aras 30, Menara TH Perdana, Lot 1001, Jalan
Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

SIDANG EDITORIAL

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

YBHG. TAN SRI NORLIZA ROFLI
Ketua Pengarah

YBRS. MOHAMAD RAZY MOHD NOR
Timbalan Ketua Pengarah
(Sektor Dasar dan Perancangan)

YBRS. DATO' MOD ZAKY BIN HAJI DIN
Timbalan Ketua Pengarah
(Sektor Kebudayaan dan Kesenian)

SIDANG EDITORIAL

Editorial

ZURIAH MOHAMAD

Penolong Editorial

MUHAMMAD HAQKAM HARIRI
SITI ZAIDAH PUTEH

Pereka Grafik/Kreatif

BAFTI HERA ABU BAKAR

Jurufoto

MUHAMMAD ASYRAF REZALI

Sidang Redaksi

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
CAWANGAN PENTADBIRAN
CAWANGAN SUMBER SUMBER MANUSIA
CAWANGAN KEWANGAN
BAHAGIAN PENGEMBANGAN SENI BUDAYA
BAHAGIAN BIMBINGAN SENI BUDAYA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK (ACARA)
BAHAGIAN PENGUKUHAN SENI DAN BUDAYA
CAWANGAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR
CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA (INDUSTRI KREATIF)
CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA NEGERI-NEGERI

Penyelaras Pengedaran Buletin

MUHAMMAD FAIZAL RUSLEE
MUHAMMAD AMIN BIN ALIAS

Pusat Sumber Seni Budaya

SITI ANISAH ABD. RAHMAN
FAUZIAH AHMAD

Email : penerbitan@jkkn.gov.my

SELAMAT DATANG
WELCOME

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن کبودایان دان کسنیان نکارا
NATIONAL DEPARTMENT FOR CULTURE & ARTS


CAWANGAN DOKUMENTASI & PENERBITAN
DOCUMENTATION & PUBLICATION DIVISION





ISI KANDUNGAN

7-8	Bahasa Melayu 'Bagai Melukut di Tepi Gantang'	34-37	Tarian Joget
9-10	Timur Malaysia: Nilai Tambah Tarikan Budaya Di Malaysia	38-39	Kekangan Teknologi Mempengaruhi Gaya Hidup Manusia
II	Beza Antara Politik & Patriotik	40-41	Dokumentasi & Penerbitan Jadi Legasi Penyambung Seni Budaya
I2	Era Globalisasi dan Cabarannya Terhadap Dunia Peradaban Melayu	42	Peribahasa yang Jarang didengar
I3	Ulasan Buku : Pengurus Dalam Pelbagai Peranan	43-44	Sudut Kreatif : Puisi
I4-I8	Cultural Diplomacy - Prepared for: Institute of Diplomacy and Foreign Relations MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS, MALAYSIA	45-46	Makanan Tradisi Permata Jauhar
I9-20	Terapi Muzik Melalui Frekuensi 528Hz	47-50	Ganu Vs Kelate
21-24	Cerpen I : Rezeki Buluh Perindu	51-52	Otak Kanan vs Otak Kiri
25-30	Cerpen II : Pengorbanan	53	Info Pesara
31	Tips Keselamatan ICT	54-58	Permainan Gasing
32-33	Pendokumentasi Digital 'Pemangkin Seni Budaya'	59-61	Pantun Dalam Acara Rasmi dan Kegunaannya
		62-65	Bahan Terbitan JKKN
		66	Serlahan Seni & Budaya



*Indah terletak kebaya nyonya
Cantik disarung di badan wanita
Berbudi bahasa amalan mulia
Menjadi tunjang masyarakat Malaysia*

*Akhlak mulia menghiasi diri
Menjunjung martabat keluarga ternama
Adat dan budaya disanjung tinggi
Hidup berunding muafakat bersama*

*Masyarakat Malaysia masyarakat berbudaya
Menjadi lambang kebanggaan Malaysia
Seni budaya disemarak dipulihara
Kekal menjadi khazanah negara*

Y.Bhg. Tan Sri Norliza Rofli

KETUA PENGARAH
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

BAHASA MELAYU

'Bagai Melukut di Tepi Gantang'



MUHAMMAD HASNIMIZAN ISHAK

Umum turut mengetahui bahawa Malaysia punyai masyarakat serumpun yang mengangkat Bahasa Melayu sebagai identiti bahasa kebangsaan. Namun kita kelihatan gagal dalam melestarikan perkara yang sepatutnya dipelihara. Sedar atau tidak, kini bahasa Melayu jelas agak terpinggir, bagaikan **'melukut di tepi gantang merempat di tanah watannya sendiri'** malah penggunaan bahasa Inggeris sendiri telah semakin meluas. Masyarakat semakin malu untuk mengangkat dan menggunakan bahasa Melayu yang menjadi bahasa nasional kita. Sikap dan akibat dari perbuatan ini sekaligus boleh menjejaskan imej negara.

Keterbatasan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa negara semakin ketara. Hal ini boleh dilihat melalui hasil-hasil penerbitan buku, jurnal dan lain-lain. Penerbitan buku-buku dalam bahasa Melayu kini sukar untuk dilihat untuk memenuhi ruangan kedai-kedai buku, malahan kita semakin kekurangan bahan-bahan rujukan dan kajian khususnya yang diterbitkan dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Contohnya buku-buku teks terjemahan ke dalam Bahasa Melayu bagi bidang kejuruteraan, sains, undang-undang, perubatan dan lain-lain adalah sukar untuk diperolehi. Kegiatan penterjemahan dalam bidang-bidang kritikal ini seharusnya dititikberatkan.

Hal yang sedemikian berlaku adalah rentetan kurangnya para cendekiawan dan para ilmuwan yang berjuang untuk menegenahkan Bahasa Melayu sebagai sebuah bahasa kebangsaan. Kita juga semakin hilang tenaga-tenaga pakar seperti pensyarah dan profesor yang mahir dan bertaraf antarabangsa dalam menyampaikan ilmu khususnya yang berkepakaran dalam Bahasa Melayu. Tujuan penghasilan bahan-bahan rujukan

dalam Bahasa Melayu ini bukan hanya sekadar untuk mendaulat dan mengangkat bahasa Melayu, tetapi sebagai salah satu usaha untuk membekal dan menyebarkan kepada rakyat Malaysia dengan maklumat teknologi dalam bahasa Melayu bagi memudahkan penyebaran ilmu pengetahuan dan maklumat dengan lebih berkesan.

Dalam mengatasi masalah ini, seharusnya pakar-pakar dan para ilmuwan ini diberikan pendedahan, latihan, galakan dan wajib mengaplikasikan penggunaan Bahasa Melayu dalam bahan-bahan kajian penyelidikan dan pembangunan. Syarat wajib yang dikenakan dalam penghasilan bahan-bahan kajian adalah dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai medium utama kajian. Dengan cara dan usaha seumpama ini, masalah kekurangan bahan rujukan dalam Bahasa Melayu dapat diatasi malah penghasilan penerbitan-penerbitan jurnal dan buku dalam Bahasa Melayu akan mempunyai nilai saintifik dan komersial yang tersendiri. Dalam kita tidak sedar, banyak kejayaan yang telah dicapai dalam sesebuah negara maju telah disumbangkan ilmu dan maklumat dan diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda masing-masing.

Permasalahan kedua yang dilihat adalah penggunaan bahasa-bahasa rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing, menghasilkan penggunaan bahasa yang tidak betul yang mana perkara ini akan menjejaskan imej negara di mata masyarakat. Pelbagai senario di persekitaran boleh dilihat, khususnya di papan-papan tanda atau papan iklan yang semakin berleluasa yang tidak mempamerkan penggunaan Bahasa Melayu dengan betul. Contohnya boleh dilihat melalui papan tanda di plaza tol lebu raya yang menggunakan bahasa

rojak iaitu 'Lorong Touch n Go'. Penggunaan bahasa rojak boleh mencatatkan pemandangan di sekitar kawasan di negara ini.

Perbuatan seumpama ini sekaligus merosakkan keindahan bahasa kebangsaan dan boleh menubuhkan persepsi negatif kepada pelancong dari luar negara khususnya. Penggunaan bahasa rojak bukan sahaja tertumpu pada papan iklan malah didapati turut menular di papan tanda penunjuk arah serta pada bangunan. Contohnya 'Jalan Post Office Street'. Penyalahgunaan penggunaan bahasa rojak ini sudah pasti memberi kesan yang besar terhadap kedaulatan bahasa ibunda kita. Penyalahgunaan bahasa rojak di papan-papan tanda seharusnya diambil tindakan yang sesuai oleh pihak-pihak berwajib.

Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara perlu dimartabatkan dan dipelihara. Kawalan terhadap penamaan jalanraya dan bangunan dengan menggunakan bahasa rasmi negara perlu diperketatkan terutamanya apa yang dipamerkan di khalayak awam. Papan-papan tanda yang ingin dibuat perlu mendapatkan kelulusan pakar-pakar Bahasa Melayu dahulu untuk mengelakkan kesalahan penggunaan bahasa pada masa akan datang.

Permasalahan ketiga yang wujud ialah apabila kita tidak mempunyai individu yang boleh dijadikan teladan dalam usaha mengangkat martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Individu teladan adalah di kalangan pemimpin negara yang seharusnya menjadi contoh bukan sahaja kepada rakyat tetapi kepada golongan elit korporat dan birokrasi kerajaan. Majoriti dua golongan ini merupakan golongan yang menyetepikan bahasa kebangsaan dan kurang berminat untuk mengaplikasikan penggunaan Bahasa Melayu dalam pertuturan harian dan tidak menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya dalam ruang sosial profesionalisme mereka. Majoriti golongan elit dan pemimpin politik menafikan peranan bahasa Kebangsaan mampu membantu negara mencapai kemajuan dengan pesat namun demikian kebanyakan dalam kalangan pemimpin tidak begitu betah untuk menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan harian mereka. Lihat sahaja apabila diwawancara atau menyampaikan maklumat melalui saluran media seperti televisyen, rata-ratanya golongan ini tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar namun menggunakan Bahasa Inggeris dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat, kerana itulah penggunaan Bahasa Inggeris semakin berleluasa dan berlarutan di kalangan ahli korporat dan tidak ketinggalan juga individu yang punya latar belakang berpendidikan Inggeris.

Kesan yang jelas ketara apabila pemimpin-pemimpin negara bertutur atau menyampaikan sebarang maklumat menggunakan Bahasa Inggeris, maka sejumlah besar rakyat negara ini yang terdiri daripada orang Melayu yang tinggal di luar bandar tidak dapat memahami mesej yang cuba disampaikan oleh pemimpin kerana bahasa yang digunakan oleh pemimpin sendiri tidak boleh difahami oleh mereka. Rentetan itulah, banyak program dan kempen anjuran kerajaan dilihat kurang berkesan seperti Kempen Budi Bahasa. Salah satu sebabnya adalah kerana rakyat tidak memahami maklumat dan mesej yang cuba disampaikan. Apabila pemimpin atasan tidak berperanan sebagai seorang pejuang, maka Bahasa Melayu akan menjadi seperti **melukut di tepi gantang merempat di tanah watannya sendiri**, menjadi bahasa asing kepada warga bangsanya sendiri.

Yang ke empat pula adalah nasionisme yang mengatasi nasionalisme dalam konteks penilaian terhadap Bahasa Melayu masa kini. Dalam menempuh era pembangunan sesetengah pihak tidak lagi mementingkan Bahasa Melayu perlu dipraktikkan secara nasionalisme. Kebanyakan masyarakat mengambil jalan pintas dalam menempuh era zaman kemodenan dengan menjadikan nasionisme sebagai tunjang dalam menggapai kejayaan. Dalam konteks bahasa, ianya jelas kelihatan apabila Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dilaksanakan. Namun selepas mendapat tekanan dari pejuang-pejuang Bahasa Melayu, ianya dimansuhkan. Pelaksanaan ini berkait dengan matlamat dan tujuan untuk mencapai kejayaan seiring dengan negara yang terlebih dahulu maju ke hadapan dengan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Berlakunya perkara ini secara tidak langsung membuktikan nasionisme itu mengatasi nasionalisme. Selain itu, sekiranya dilihat dari skop yang lebih meluas, kemasukan pelabur asing yang mengambil alih projek-projek besar negara secara drastik adalah merupakan satu konsep penjajahan jangka masa panjang yang secara perlahan-lahan melemahkan Bahasa Melayu dalam konteks nasionalisme. Perkara-perkara seumpama ini memperjelaskan tentang kepentingan nasionisme telah mengatasi nasionalisme khususnya dalam perkara yang melibatkan Bahasa Melayu.

"Destinasi pelancongan memerlukan imej yang mampu menjadi daya tarikan kepada pelancong dan salah satu daya tarikan unik yang ada di negara ini ialah tarikan

kepelbagaian budayanya.."



Andrew Norris Anak Robin

TIMUR MALAYSIA: NILAI TAMBAH TARIKAN BUDAYA DI MALAYSIA

INDUSTRI PELANCONGAN

Perindustrian bermaksud penghasilan barang, perkhidmatan dan merupakan aktiviti ekonomi yang memproses bahan mentah menjadi barang siap ataupun aktiviti ekonomi yang menyediakan perkhidmatan. Sektor perkhidmatan terdiri daripada pelbagai subsektor yang sebahagiannya boleh diperdagangkan termasuklah sektor pelancongan.

Perindustrian turut memainkan peranan yang penting untuk membantu memacu ekonomi bagi negara-negara maju. Di Malaysia, sektor perindustrian juga merupakan antara sektor yang terpenting dalam menyumbangkan kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara.

Seiring dengan perkembangan tamadun dunia dan evolusi teknologi pada hari ini, jumlah pelancong dalam negeri dan antarabangsa semakin meningkat. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia), pada tahun 2016, Malaysia telah mencatatkan kemasukan pelancong seramai 26.8 juta orang dan menerima jumlah perbelanjaan sebanyak RM82.1 bilion. Jumlah kemasukan itu mencatatkan peningkatan seramai 1.1 juta orang dari tahun 2015 iaitu dengan

perbelanjaan sebanyak RM13 bilion. Pada penghujung tahun 2017, Tourism Malaysia menasaskan ketibaan pelancong seramai RM31.8 juta orang dengan penerimaan perbelanjaan sebanyak RM118 bilion. Kedatangan para pelancong antarabangsa ke dalam negara akan menyumbang kepada kadar pertukaran mata wang asing dalam ekonomi negara.

PRODUK PELANCONGAN MALAYSIA

Apabila membuat keputusan untuk melawat sesuatu tempat, pelancong akan membuat penilaian dalam destinasi manakah yang akan memberikan pulangan pengalaman yang diimpikan oleh mereka. Industri pelancongan menawarkan pengalaman yang menakjubkan sebagai pulangan wang yang dibelanjakan oleh pelancong. Oleh yang demikian, destinasi pelancong harus bersaing dalam menawarkan produk pelancongan yang mampu menjadi destinasi pilihan.


Keindahan semulajadi, kepelbagaian bangsa, keunikan seni warisan dan kepelbagaian perayaan tahunan merupakan keunikan produk pelancongan di negara ini. Kewujudan tarikan yang pelbagai ini telah mampu untuk menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah

destinasi tumpuan para pelancong dalam negara dan juga dari antarabangsa.

Namun begitu, Malaysia masih perlu bersaing dengan negara - negara jiran untuk membezakan identiti dan imej budaya negara di mata pelancong antarabangsa, dan muncul sebagai destinasi pilihan. Destinasi pelancongan memerlukan keunikan imej yang tersendiri seperti kepelbagaian budaya yang mampu untuk menjadi daya tarikan kepada pelancong antarabangsa. Kehidupan serumpun yang aman dan harmoni mampu menjadi bukti wujudnya kepelbagaian budaya di Malaysia.

KEPELBAGAIAN BUDAYA DI MALAYSIA

Malaysia sebuah negara yang mempunyai keunikan kedudukan geografi yang strategik di mana Malaysia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Semenanjung Malaysia



yang terdiri daripada tiga bangsa Melayu, Cina dan India manakala Sabah dan Sarawak yang mempunyai kepelbagaian etnik di negeri masing-masing.

Kepelbagaian bangsa ini menjadi semakin unik dengan kepelbagaian kumpulan etnik yang berasal dari Sabah dan Sarawak. Di Sarawak, terdapat 3 etnik utama iaitu orang Iban, Bidayuh dan Orang Ulu. Selain daripada 3 etnik tersebut, Sarawak juga mempunyai lebih 200 kumpulan suku kaum yang lain. Di Sabah pula, 3 etnik terbesar adalah Kadazan Dusun, Bajau dan Murut. Setiap etnik yang dinyatakan di atas mempunyai tarikan budaya yang cukup unik dan menarik untuk dipertunjukkan. Kepelbagaian itu dizahirkan melalui pakaian, tarian dan makanan tradisional yang sering kali dipersembahkan semasa perayaan tahunan etnik masing - masing. Gabungan pelbagai bangsa di Malaysia telah menjadi aset penting

dalam pembentukan imej negara di mata dunia.

Kedudukan Sabah dan Sarawak yang berada di Pulau Borneo menjadikan imej budaya yang dimiliki dua negeri ini cukup unik dan tersendiri. Gabungan budaya dari Timur Malaysia dan Semenanjung Malaysia telah melahirkan imej budaya yang sangat istimewa dan dibanggakan di Malaysia. Kepelbagaian budaya di Timur Malaysia mampu menjadi nilai tambah kepada tarikan budaya di Malaysia, lantas muncul sebagai destinasi pilihan pelancong.

Setiap negara di dunia ini bersaing antara satu sama lain untuk berkembang dan mengukuhkan ekonomi masing - masing. Setiap kelebihan yang dimiliki akan digunakan untuk menjamin pertumbuhan

dan kekuatan ekonomi.

Di Malaysia, dalam aspek pelancongan selaku salah satu penjana pendapatan negara, adalah bijak sekiranya negara menggunakan nilai tambah yang ada seperti kekayaan budaya untuk bersaing dengan dalam sektor pelancongan dengan negara - negara serantau yang terkenal dengan keunikan masing- masing.

Selain memberi pulangan kepada penajaan ekonomi, dalam masa yang sama, seni dan budaya negara juga dapat dipelihara dan dimartabatkan di mata dunia. Dalam meneruskan kelangsungan hidup pada masa yang cukup mencabar dewasa ini, amat mudah untuk melupakan warisan nenek moyang yang tidak ternilai harganya dan sepatutnya dipertahankan untuk generasi pewaris pada masa akan datang.



BEZA ANTARA Mohd Rizal Bin Ismail **POLITIK DAN PATRIOTIK**

POLITIK adalah sebuah perilaku atau proses yang dilakukan untuk membuat keputusan ke atas sesuatu kumpulan dalam usaha membangun dan membentuk sebuah negara sesuai dengan garis peraturan yang ditetapkan. Kebiasaannya digunakan bagi merujuk kepada kerajaan dan tingkah laku politik.

PATRIOTIK pula ialah mencintai dan akan setia mempertahankan kedaulatan negaranya. Ia bermaksud untuk melakukan apa sahaja dalam usaha membela negara dengan mematuhi dasar-dasar dan peraturan negara.

Justeru sempena bulan Ogos bulan Kemerdekaan negara yang ke 60, ayuh kita tunjukkan semangat dan rasa cinta kepada negara tanah tumpah darah kita dengan mengibarkan jalur gemilang di mana sahaja tanpa mengira latar belakang politik.


Rasa sayang kepada negara boleh dimanifestasikan dengan pelbagai cara sama ada perbuatan, lisan dan sebagainya contohnya dengan mengibarkan 'Jalur Gemilang' adalah salah satu di antaranya.

Kini kita tidak perlu lagi menghunus keris, berjuang di medan perang seperti nenek moyang terdahulu. Tidak perlu mengerah keringat dan airmata. Memadai sekadar dengan membeli dan melekatkan 'Jalur Gemilang' yang harganya tidak seberapa berbanding nilai patriotik yang ditunjukkan.

Walaupun kita mempunyai perbezaan parti politik dan juga pemahaman yang tidak sama, namun kita tetap bertunjangkan kepada ibu pertiwi yang sama yakni MALAYSIA. Tiada lagi negara lain.

Lahirkan rasa patriotik anda tanpa sempadan dengan mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang bulan kemerdekaan.

MALAYSIA negaraku....



ERA GLOBALISASI DAN CABARANNYA TERHADAP DUNIA PERADABAN MELAYU

Menurut Edward B. Taylor **tamadun** ialah suatu rangkaian rumit di mana ianya merangkumi aspek-aspek keilmuan, kepercayaan, kesenian, nilai-nilai moral, perundangan, tradisi, bakat serta kebolehan yang dihasilkan oleh sesuatu masyarakat pada sesuatu tempoh masa. Manakala, menurut Arnold Toynbee pula Tamadun dapat didefinisikan sebagai suatu sistem yang dapat membantu manusia bagi menambah hasil pengeluaran atau produktiviti dan ianya mempunyai empat elemen, iaitu ekonomi, sistem politik, pengetahuan dan seni. Hal ini dapat disokong dengan kenyataan daripada Professor Zulkiflee Haron (2011), di dalam UTM Press mengatakan bahawa Tamadun Melayu telah dibentuk oleh masyarakat Melayu yang berada di wilayah Asia Tenggara dan dikenali sebagai gugusan Kepulauan Melayu yang terdapat di Indonesia. Dua elemen penting di dalam tamadun Melayu adalah Bahasa Melayu dan Agama Islam.

Manakala, menurut Kamus Dewan, globalisasi didefinisikan sebagai fenomena yang menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Manakala cendekiawan barat mentakrifkan globalisasi sebagai satu proses kehidupan yang serba luas dan infiniti yang merangkumi segala aspek kehidupan seperti politik, sosial, dan ekonomi yang boleh dirasakan oleh seluruh umat manusia di dunia ini.

Pada masa kini, globalisasi merupakan satu proses untuk meletakkan dunia di bawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Pada era globalisasi ini, tamadun Melayu telah menghadapi dua cabaran utama di dalam mengukuhkan ketamadunan Melayu iaitu melalui kesan perubahan dari sosio budaya yakni yang terhasil dari kemajuan dan perubahan yang dicapai oleh dunia pada masa kini serta kesan daripada proses asimilasi masyarakat yang sedang berlaku di seluruh negara pada hari ini.

Melalui zaman era ini, masyarakat telah mengalami anjakan seiring dengan arus pemodenan dunia di mana kehidupan masyarakat telah bergantung sepenuhnya kepada sistem teknologi pada masa kini. Dengan wujudnya era globalisasi ini, aplikasi media baharu juga telah membawa kepada perubahan yang besar terhadap pola dan perilaku masyarakat iaitu melalui pengaruh sosio-budaya, ekonomi dan juga dunia perniagaan. Begitu juga dari kesan yang dapat dilihat melalui perkembangan rangkaian sistem perhubungan. Jaringan informasi dunia tanpa sempadan ini juga telah memperlihatkan begitu

banyak pengaruh asing khususnya unsur-unsur Barat yang dibawa masuk ke negara.

Umumnya, masyarakat juga sedia tahu bahawa negara Barat merupakan satu kuasa yang sangat berpengaruh dan mampu menjejaskan kekuatan asasi orang Melayu, terutama sekali dari segi nilai dan budayanya. Hal ini dapat disokong melalui kenyataan yang diperoleh dari Pengarah Perdana Technology Ventures Sdn Bhd, iaitu Dr Borjayai Bardai, di mana "Cabaran Melayu hari ini bukan untuk mewujudkan perisai bagi melindungi peradabannya agar tidak dicemari budaya dan cara hidup Amerika. Sebaliknya cabaran kita ialah menentukan asas peradaban kita yang unggul itu boleh dikekalkan, diolah dan diadaptasi semula bagi memenuhi keperluan pembangunan yang pesat dalam ekonomi dunia," katanya dalam kertas kerjanya Globalisasi Dan Cabaran Terhadap Peradaban Melayu.

Manakala, Prof Dr Shaharir Mohamad Zain iaitu Presiden Akademi Sains Islam Malaysia (Asasi), berkata di dalam satu kenyataan di mana, beliau ternyata ralat dengan perkembangan dalam sistem pendidikan negara yang menunjukkan kecenderungan kemungkinan kursus sains peringkat sarjana dan doktor falsafah di universiti tempatan dilaksanakan dalam bahasa Inggeris. "Jika ini berlaku maka hancurlah lagi wadah pembinaan ilmu menerusi bahasa Melayu yang kini sudah sampai di perbatasan antarabangsa dan satu lagi tragedi kepada bahasa dan bangsa Melayu akan berlaku," katanya dalam kertas kerja Sains dan Cabarannya Terhadap Peradaban Melayu.

Tidak dinafikan bahawa fenomena globalisasi pada akhir abad ke-21 telah membawa suatu cabaran baru kepada seluruh dunia, terutamanya kepada negara-negara dari dunia membangun dan dunia yang mundur. Namun pada masa yang sama, kita haruslah bijak mencuri peluang-peluang yang ada dalam mengantarabangsakan peradaban melayu ini dengan mempromosikan lebih banyak nilai kebudayaan yang terdapat di dalam peradaban melayu ke tahap yang lebih tinggi. Masyarakat kita seharusnya menggunakan maklumat ini dengan fikiran yang terbuka serta belajar dari tamadun-tamadun besar dunia agar kemajuan bersama dapat dicapai dengan tahap yang lebih optimum seterusnya membawa kepada negara yang terus membangun dan maju dari sudut ekonomi, pendidikan dan pembangunan.

Kesimpulannya, fenomena globalisasi ini telah memberikan kesan yang positif dan negatif amnya kepada kehidupan masyarakat pada masa kini. Cabaran yang berbentuk ekonomi dan kewangan, sosio-budaya dan ketahanan kedaulatan negara haruslah dilalui dengan penuh berhati-hati agar kita tidak kehilangan jati diri kepada kuasa-kuasa besar yang berhasrat menjadikan globalisasi ini sebagai neo-kolonialisme. Namun itu tidak bermakna bahawa kita seharusnya terus melarikan diri dari menghadapi kesan perkembangan era globalisasi ini seperti katak di bawah tempurung hanya semata-mata kerana tidak mahu melihat peradaban dunia Melayu kita terus hilang. Malah seharusnya kita menghadapi cabaran itu dengan hati yang ikhlas serta berfikiran terbuka serta memandangi dari sudut yang positif bagi membina kemajuan diri, keluarga, agama bangsa dan negara dan seterusnya mengangkat dunia peradaban Melayu ini ke tahap yang infiniti.

ULASANBUKU

Tajuk : Pengurus Dalam Pelbagai Peranan
Penulis : Maimunah Osman
Penerbit : Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Tahun : 2002

Resensi Oleh : Samsuring Meli



Buku ini merupakan paparan berkaitan pengurusan mengikut teori dan juga peranan pengurus sebagai salah seorang pemimpin yang mempunyai kredibiliti dalam mengendalikan kakitangan di bawahnya.

Buku ini membincangkan mengenai pengurusan yang boleh diklasifikasi dalam 3 jenis iaitu pengurusan birokratik, pengurusan klasik dan juga pengurusan saintifik.

Pengurusan birokratik merupakan pengurusan yang berkaitan dengan kuasa yang hanya dimiliki oleh pengurus sahaja, iaitu individu yang mempunyai autoriti dalam melakukan sebarang perkara. Pengurusan birokratik ini kebiasaannya mempunyai pengkhususan dan peraturan kerja yang ketat.

Jenis pengurusan yang kedua ialah klasik iaitu kaedah pengurusan serta pengendalian kerja dan organisasi yang cekap. Pengurusan ini merupakan jenis pengurusan yang tidak terlalu autoriti dan tidak mempunyai peraturan yang ketat.

Pengurusan ketiga ialah pengurusan jenis saintifik. Pengurusan ini menjelaskan falsafah iaitu amalan pengurusan yang berdasarkan peraturan bagi memastikan segala kerja berjalan dengan lancar.

Intipati buku ini turut merujuk kepada penjawatan seorang pengurus iaitu sebagai seorang pemimpin yang mampu membimbing pekerjaannya ke arah mencapai matlamat visi dan misi organisasi. Pengurus merupakan pengambil risiko iaitu individu yang perlu mengambil keputusan secara serta-merta. Pengurus juga merupakan seorang individu yang amat mempercayai pekerjaannya dengan mewujudkan kerjasama antara pekerjaannya.

Menerusi buku ini juga turut dinyatakan ciri-ciri seorang pengurus sebagai pemimpin, *coach*, mentor, fasilitator dan juga kaunselor. Pertama, Pengurus sebagai pemimpin yang bertanggungjawab kepada segala tindakan yang dilakukan oleh pekerjaannya. Tidak kira kepada kejayaan ataupun kegagalan. Pemimpin adalah individu yang mampu memberi arahan dan pekerjaannya dapat mengikuti arahan tersebut. Kedua, Pengurus sebagai *coach* iaitu seorang yang berkemampuan membebaskan potensi setiap individu. *Coaching* adalah salah satu cara membantu bukannya mengajar. Pengurus berkeupayaan membantu individu untuk mencungkil kredibiliti dan kemampuan seseorang individu. Ia merupakan proses di mana semua kakitangan

dibangunkan melalui pertambahan pengetahuan, kemahiran dan juga berusaha menjadikan pekerjaannya seorang yang cekap dan tegas. *Coaching* juga turut memberi manfaat dalam mencungkil bakat individu, memotivasikan individu serta mewujudkan kesedaran dalaman.

Ketiga, Pengurus sebagai mentor iaitu sumber rujukan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Contohnya belajar daripada pengalaman orang. Mentor-mentee ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara pekerja malahan dapat mengetahui pengalaman seseorang. Pengurus juga dianggap sebagai *fasilitator* yang memudahkan proses pembelajaran, perubahan dan pembangunan. *Fasilitator* harus percaya kepada konsep pembelajaran di tempat kerja serta mempunyai impak dalam menjana perubahan. Akhir sekali, Pengurus sebagai kaunselor iaitu individu yang melaksanakan sistem tindakan melalui pekerjaannya. Mereka mempunyai tanggungjawab untuk merancang dan mengenal pasti cara yang berkesan untuk pekerja melaksanakan tugas. Kaunselor harus membantu pekerjaannya mengendalikan masalah di tempat kerja, memupuk *self esteem* dan menawarkan sokongan kepada yang mengalami masalah.

Melalui pembacaan yang seterusnya, kita dapat mengetahui berkaitan sesuatu usaha dalam mempertingkatkan prestasi organisasi, yang mana pengurus telah mengambil tindakan yang hampir sebagai *coach*, kaunselor, fasilitator dan mentor. Kepentingan sebagai seorang pengurus, memang tidak dapat dinafikan sama sekali. Seorang pengurus yang berjaya dapat menanam rasa bertanggungjawab dan juga kesedaran di dalam setiap diri pekerjaannya. Pengurus merupakan peneraju, pembimbing, pemandu dan individu yang mempunyai tanggungjawab penting dan besar. Semua ini dapat menyumbang kepada pembangunan sumber manusia.



CULTURAL DIPLOMACY

prepared for

**INSTITUTE OF DIPLOMACY
AND FOREIGN RELATIONS**
MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS, MALAYSIA



Hasbullah Mohd Ali

1. BACKGROUND

1.1 Malaysia Culture

- 1.1.1 Malaysia draws on the varied cultures of the different people of Malaysia. The first people to live in Malaysia were indigenous tribes that still remain; they were followed by the Malays, who moved there from mainland Asia in ancient times. Chinese and Indian cultural influences made their mark when trade began with those countries, and increased with immigration to Malaysia. Other cultures that heavily influenced that of Malaysia include Persian, Arabic, and British. The many different ethnicities that currently exist in Malaysia have their own unique and distinctive cultural identities, with some crossover.
- 1.1.2 Art and music have a long tradition in Malaysia, with Malay art dating back to the Malay sultanates. Traditional art was centered on fields such as carving, silversmithing and weaving. Islamic taboos restricted artwork depicting humans until the mid-20th century. Performing arts and shadow puppet shows are popular, and often show Indian influences. Various influences can be seen in architecture, from individual cultures in Malaysia and from other countries. Large modern structures have been built, including the tallest twin buildings in the world, the Petronas Twin Towers.
- 1.1.3 Malaysian music has a variety of origins, and is largely based around percussion instruments. Much early Malaysian literature was based on Indian epics, which remained unchanged even as Malays converted to Islam; this has expanded in recent decades. English literature remained restricted to the higher class until the arrival of the printing press. Locally created Chinese and Indian literature appeared in the 19th century.
- 1.1.4 Cuisine is often divided along ethnic lines, but some dishes exist which have mixed foods from different ethnicities. Each major religious group has its major holy days declared as official holidays. Official holidays differ by state; the most widespread one is Hari Merdeka, which celebrates the independence of Malaya. Although festivals often stem from a specific ethnic background, they are celebrated by all people in Malaysia. "Perayaan Sambutan Rumah Terbuka" are open house receptions to usher religious celebrations of multi-racial Malaysians is but one of the many festivals that are celebrated by all Malaysian.
- 1.2 These are among the multicultural traits observed in Malaysia that homes to an approximate of 90 ethnics groups forming 30 644 293 Malaysian (Figures are as of 1 January 2015). The country's unique culture diversity has brought a potpourri of arts that shape Malaysia to its slogan "Malaysia Truly Asia"
- 1.3 Cultural diversity is also an economic, social and political plus, which needs to be developed and adequately managed. On the other hand, increasing cultural diversity brings about new social and political challenges. Cultural diversity often triggers fear and rejection. Stereotyping, racism, xenophobia, intolerance, discrimination and violence can threaten peace and the very essence of local and national communities.

2. MALAYSIA'S POLICY ON LOCAL CULTURES.

- 2.1 Culture is mankind's way of life. It plays an important role in the national development process of Malaysia in which the Malaysian identity is upheld in efforts undertaken to improve socio-economic and political development. It definitely requires the mobilization and involvement of all levels of the Malaysian society in an ongoing process.

2.2 For a country with multi-racial society like Malaysia, the process of national culture development requires careful and detailed planning in cultivating the Malaysian way of life. This cultural planning outlines the good and noble values vital in strengthening the national identity as the Malaysian race.

2.3 National Culture Policy

2.3.2 Rationale

a) The formulation of the National Culture Policy is important to a developing country with multi-racial society like Malaysia. This policy will be used as guidelines in designing, formulating and sustaining the national identity of Malaysia in the world. The National Department for Culture and Arts, (JKKN) are among the 9 agencies under the Culture Sector of the Ministry of Tourism and Culture Malaysia to oversee and implement the development of culture and arts in the country.

b) The National Culture Policy has been formulated after taking into consideration of the historical facts of this region as well as Malaysia's position as a meeting point and center of trade and civilization some two thousand years ago. Malaysia's role as a meeting point has resulted in interaction, introduction, assimilation and acceptance of various elements suitable to be adopted as basic culture of this region.

2.3.2 The formulation of the National Culture Policy is based on several elements and three principles determined by the government as the National Culture Policy as follows:

i) The national culture must be based on the indigenous culture of this region:

The region involved covers Malaysia, Indonesia, Philippines, Singapore, Brunei, Thailand and Cambodia, as well as the South Pacific islands (Polynesia, Melanesia and Oceania) and Malagasy. This whole region has been an important part of Malay civilization and culture. During the height of the Malay civilization era based in Malacca, the Malay language has been used as an international language in trade relations (lingua franca). The culture of this region showed several similarities, in the language used, which was basically the Malay language – Austronesia, the geographical location, historical experience, natural resources, arts and moral values. The Malay culture today is a way of life and symbol of identity of more than 200 million people who speak the same language. As such, the culture of the indigenous people from this region, which, in a wider or narrower sense, refers to the Malay culture, forms the basis of the National Culture Policy.

ii) Suitable elements from the other culture may be accepted as part of the national culture:

Culture is a dynamic phenomenon, always changing through the on-going process of adaptation and assimilation. This principle takes into consideration the multi-cultural aspects in a multi-racial society. Hence, cultural elements of the Chinese, Indians, Arabs, Westerners and others which are considered suitable and acceptable are included in the national culture. Such acceptance must be in accordance with the provisions in the Constitution and the principles of Rukun Negara, as well as national interest, moral values and the position of Islam as the official religion of the country.

iii) Islam is an important component in the formulation of the national culture:

Religion or the belief in God is important in the development process of a country and also in the personal development of her people. Islam provides guidance to mankind and fulfills the physical and emotional needs. Hence Islam should be an important element in formulating the National Culture Policy based on its position as the official religion of the country.

2.3.3 The three principles have been accepted by the National Culture Congress in 1971. The policy is to ensure that the following objectives are met:-

i) To strengthen national unity through culture.

ii) To foster and preserve national identity created through national culture.

iii) To enrich and enhance the quality of human life in equilibrium with socio-economic development.

2.3.4 The strategy and implementation of this Policy can be achieved through the following:

(i) Restore, preserve and develop culture towards strengthening national culture through joint research, development, education and cultural expansion and connections

(ii) Increase and strengthen cultural leadership through training and guidance to interested individuals. Support and mobilize culture as an effective engine of growth.

(iii) Establish effective communication to instill national awareness and Malaysian nationalism.

(vii) Fulfill socio-cultural needs.

(viii) Improve the standard and quality of arts.

- 2.3.5 Ministries and Departments at the federal and state levels, statutory bodies, private sector and non-government organizations for culture will contribute their respective role through their daily management towards the implementation of the National Culture Policy. The role of the private sector and cultural organizations for instance will be needed to assist to create and develop culture in their own organizations and sponsor cultural programs or projects.
- 2.3.6 The formulation and implementation of the National Culture Policy is needed in Malaysia as a developing country with multi-racial and multi-cultural society. This Policy is used as guidelines to create a united Malaysian race and to sustain national identity at international level. However, the implementation of this Policy is a complex process that cannot be accomplished within a short time. Arousing general awareness and understanding of the national culture will help towards the achievement of this Policy. Only with awareness can the national culture be differentiated from ethnic culture. The national culture that is nurtured will transcend racial boundaries towards the creation of a united and dignified Malaysian race.

2.4 1 MALAYSIA

- 2.4.1 Toward this end, 1Malaysia was launched on 16 September 2010 by Malaysian Prime Minister Dato' Seri Najib Tun Razak calling for the cabinet, government agencies, and civil servants to more strongly emphasize ethnic harmony, national unity, and efficient governance in making Malaysia a developed country.
- 2.4.2 1Malaysia stresses national unity and ethnic tolerance. The 2010 values of 1Malaysia as articulated by Dato Seri Najib Tun Razak are perseverance, a culture of excellence, acceptance, loyalty, education, humility, integrity, and meritocracy. The inculcation of these values will help to move Malaysia towards a better society, identity and future hence unity and integration should promote co-operation between race, beliefs and region as one Malaysia, not as Sarawakian or Sabahan. The concept unveiled is a guiding principle to build a united and progressive nation, and to inculcate the spirit and values of togetherness and sense of belongings, regardless of race, religion and creed.

3. CULTURE AS TOOLS FOR DIPLOMACY

- 3.1 Cultural diplomacy is a type of public diplomacy and soft power that includes the "exchange of ideas, information, art and other aspects of culture among nations and their peoples in order to foster mutual understanding." The purpose of cultural diplomacy is for the people of a foreign nation to develop an understanding of the nation's ideals and institutions in an effort to build broad support for economic and political goals. In essence "cultural diplomacy reveals the soul of a nation," this in turns creates influence. Though often overlooked, cultural diplomacy can and does play an important role in achieving national security aims.

3.2 Definition

- 3.2.1 Culture is a set of values and practices that create meaning for society. This includes both high culture (literature, art, and education, which appeals to elites) and popular culture (appeals to the masses). This is what governments seek to show foreign audiences when engaging in cultural diplomacy. It is a type of soft power, which is the "ability to get what you want through attraction rather than coercion or payments. It arises from a country's culture, political ideals and policies." This indicates that the value of culture is its ability to attract foreigners to a nation. Cultural diplomacy is also a component of public diplomacy.

3.3 Purpose

- 3.3.1 Ultimately, the goal of cultural diplomacy is to influence a foreign audience and use that influence, which is built up over the long term, as a sort of good will reserve to win support for policies. It seeks to harness the elements of culture to induce foreigners to:
- have a positive view of the country's people, culture and policies,
 - induce greater cooperation between the two nations,
 - aid in changing the policies or political environment of the target nation,
 - prevent, manage and mitigate conflict with the target nation.
- 3.3.2 In turn, cultural diplomacy can help a nation better understand the foreign nation it is engaged with and foster mutual understanding. Cultural diplomacy is a way of conducting international relations without expecting anything in return in the way that traditional diplomacy typically expects.

3.3.3 Generally, cultural diplomacy is more focused on the longer term and less on specific policy matters. The intent is to build up influence over the long term for when it is needed by engaging people directly. This influence has implications ranging from national security to increasing tourism and commercial opportunities. It allows the government to create a "foundation of trust" and a mutual understanding that is neutral and built on people-to-people contact. Another unique and important element of cultural diplomacy is its ability to reach youth, non-elites and other audiences outside of the traditional embassy circuit. In short, cultural diplomacy plants the seeds of ideals, ideas, political arguments, spiritual perceptions and a general view point of the world that may or may not flourish in a foreign nation.

3.3.4 Link to National Security

First and foremost, cultural diplomacy is a demonstration of national power because it demonstrates to foreign audiences every aspect of culture, including wealth, scientific and technological advances, competitiveness in everything from sports and industry to military power, and a nation's overall confidence. The perception of power obviously has important implications for a nation's ability to ensure its security. Furthermore, because cultural diplomacy includes political and ideological arguments, and uses the language of persuasion and advocacy, it can be used as an instrument of political warfare and be useful in achieving traditional goals of war.

3.3.5 In terms of policy that supports national security goals, the information revolution has created an increasingly connected world in which public perceptions of values and motivations can create an enabling or disabling environment in the quest for international support of policies. The struggle to affect important international developments is increasingly about winning the information struggle to define the interpretation of states' actions. If an action is not interpreted abroad as the nation meant to it be, then the action itself can become meaningless. Cultural diplomacy can create an environment in which a nation is received as basically good, which in turn can help frame its actions in a positive light.

3.3.6 Participants in cultural diplomacy often have insights into foreign attitudes that official embassy employees do not. This can be used to better understand a foreign nation's intentions and capabilities. It can also be used to counter hostile propaganda and the collection of open source intelligence.

3.3.7 Overall, cultural diplomacy has the potential to demonstrate national power, create an environment conducive to support, and assist in the collection and interpretation of information. This, in turn, aids in the interpretation of intelligence, enhances a nation's prestige and aids in garnering support for policies abroad. All of these factors affect a nation's security, thus, cultural diplomacy has an effect on, and a role to play, in regards to national security.

3.4 Tools and Examples

Cultural diplomacy can and does utilize every aspect of a nation's culture. This includes:

- The arts including films, dance, music, painting, sculpture, etc.
- Exhibitions which offer the potential to showcase numerous objects of culture
- Educational programs such as universities and language programs abroad
- Exchanges- scientific, artistic, educational etc.
- Literature- the establishment of libraries abroad and translation of popular and national works
- Broadcasting of news and cultural programs
- Gifts to a nation, which demonstrates thoughtfulness and respect
- Religious diplomacy, including inter-religious dialogue
- Promotion and explanation of ideas and social policies

3.4.1 All of these tools seek to bring understanding of a nation's culture to foreign audiences. They work best when they are proven to be relevant to the target audience, which requires an understanding of the audience. The tools can be utilized by working through NGOs, diasporas and political parties abroad, which may help with the challenge of relevance and understanding. These tools are generally not created by a government, but produced by the culture and then the government facilitates their expression abroad to a foreign audience, with the purpose of gaining influence.

4. GLOBAL INTERCULTURAL DIALOGUES

4.1 Definitions

4.1.1 Our cultural environment is changing quickly and becoming more and more diversified. Cultural diversity is an essential condition of human society, brought about by cross-border migration, the claim of national and other minorities to a distinct cultural identity, the cultural effects of globalisation, the growing interdependence between all world regions and the advances of information and communication media. More and more individuals are living in a “multicultural” normality and have to manage their own multiple cultural affiliations.

4.1.2 Dialogue between cultures, the oldest and most fundamental mode of democratic conversation, is an antidote to rejection and violence. Its objective is to enable us to live together peacefully and constructively in a multicultural world and to develop a sense of community and belonging. Specific goals would be attained throughout a dialogue as follow:-

- To identify similarities and differences between different cultural traditions and perceptions;
- To achieve a consensus that disputes should not be resolved by violence;
- To help manage cultural diversity in a democratic manner, by making the necessary adjustments to all types of existing social and political arrangements;
- To bridge the divide between those who perceive diversity as a threat and those who view it as an enrichment;
- To share best practices particularly in the areas of intercultural dialogue, the democratic management of social diversity and the promotion of social cohesion;
- To develop jointly new projects.

4.1.3 Working on the premise of effective dialogues, Malaysia’s chairmanship of ASEAN on the 26th ASEAN Summit on 26-27 April 2015 in Langkawi and Kuala Lumpur had productively deliberated on the theme 'Our People, Our Community, Our Vision' namely to create a truly people-oriented, people-centred ASEAN comprising all areas of political and security cooperation, economic growth and socio-cultural development. The consensus of all participating ASEAN MEMBER STATES over the deliberations showed how effective dialogues serve as effective platform for unanimous agreement can be reached.

4.1.4 The 3rd World Forum on Intercultural Dialogue in Baku
INTERCULTURAL DIALOGUE The 3rd World Forum on Intercultural Dialogue “Sharing Culture for Shared Security” held on 18 May 2015 in Baku, Republic of Azerbaijan by UNESCO highlights the importance of intercultural dialogue towards a peaceful and meaningful livelihood be achievable by uniting people of the world irrespective of their culture diversity through cultural literacy and protection of culture heritage.

5. ISSUES AND CHALLENGES

Culture diplomacy presents a number of unique challenges to any government attempting to carry out cultural diplomacy programs. Most ideas that a foreign population observes are not in the government’s control. To be cultural relevant in the age of globalization, a government must exercise control over the flows of information and communication technologies, including trade. This is also difficult for Governments that operate in a free market society where the government does not control the bulk of information flows. Multi-ethnicity and multiracial society would give rise to misunderstandings as people use different languages. And often these misunderstanding would lead to conflicts but fortunately for countries, which have a natural language, speak more commonly that language would help overcome the situation. To some countries Culture activities may be both pleasantries and taboo to a nation. This may be the case if certain elements of a culture are offensive to the foreign audience.

6. CONCLUSION

Culture is a very powerful medium for international dialogue and understanding, and a hugely important means of influence. The global movement towards more individual freedom and democracy presented great new opportunities, while the scale of global problems and misunderstandings was such that cultural diplomacy was more needed than ever. With Malaysia, culture diplomacy has great potential to become a much more powerful tool for improving the country’s image and its relations with other countries. More so being a multicultural, multiethnic and multiracial country, culture diplomacy is the way forward towards the Malaysia domestic nation building.

Terapi Musik

melalui FREKUENSI 528Hz



Terjemahan oleh :
Salehuddin Md Salleh.

Sains moden telah mula mengenali 'apa itu mistik purba. Sejak berabad lamanya manusia tidak sekali menyangkal bahawa segala yang berlaku di persekitaran kita adalah dalam keadaan yang terus bergetaran yang mampu dirasai oleh zarah fizikal terkecil hingga ke zarah yang tidak dapat dirasakan melalui pancaindera yang terhad.

'Getaran' yang dimaksudkan adalah 'bunyi'. Setiap getaran mempunyai frekuensinya yang tersendiri. Segala-galanya mempunyai jarak getaran yang optimum (frekuensi) dan kadar yang dipanggil **resonans**. Apabila kita berada dalam **resonans**, kita dikatakan akan berada dalam keadaan keseimbangan. Setiap organ dan sel dalaman kita berupaya menyerap dan mengeluarkan bunyi frekuensi bergema secara optimum. Frekuensi 432hz dan 528hz (standard tuning) yang ditala (tune) dalam muzik, menciptakan **resonans** pada fizikal, mental, emosi dan rohani manusia.

Frekuensi 528Hz adalah nota "Keajaiban" skala muzik Solfeggio yang asal. Penyelidik mengesahkan bahawa ia telah digunakan oleh pendita purba dan pengamal perubatan dalam tamadun yang lebih maju untuk menghasilkan manifestasi ajaib yang mempunyai tujuan, bayangan dan gambarannya yang tersendiri. Hanya mereka yang mempercayai 'nota keajaiban ini' sahaja masih menggunakan frekuensi 528Hz.

Frekuensi 528Hz dipercayai dapat memberikan biotenaga kesihatan dan kepanjangan umur (longevity). Frekuensi ini adalah gegaran harmonik yang boleh menenangkan dan menyentuh hati anda, dan dianggap sebagai frekuensi cinta. Frekuensi ini berkeupayaan merangsang rohani, emosi dan mental manusia untuk menjadi sealign dengan frekuensi 528Hz. Frekuensi 'penyembuhan' ini membantu mengalirkan irama dan harmoni yang sempurna. Dr. Horowitz, pakar dalam kesan frekuensi 528Hz, menggalakkan agar kita menggunakan frekuensi 528Hz untuk mengembalikan kesedaran manusia kepada kuasa penuh.

Frekuensi 528Hz bergema di tengah-tengah matahari (direkodkan oleh saintis NASA). Cahaya matahari, pelangi, bunga, rumput dan deseran lebah bergetar pada frekuensi 528Hz. Alam semula jadi akan menjadi seimbang dengan getaran frekuensi 528Hz yang memperjelaskan tentang frekuensi kehidupannya.

Jika dilihat, orang dan haiwan memakan tumbuh-tumbuhan untuk mengembalikan semula kesihatan diri kerana klorofil yang berwarna hijau/kuning bergetar pada frekuensi 528Hz dan ianya merupakan pigmen penyembuhan yang paling berkesan dalam biologi.

Manakala udara yang kita sedut yang dipenuhi dengan Prana/Chi (Universal life-force) bergetar di frekuensi 528Hz secara semulajadi yang membantu memulih dan menyegarkan "strand" setiap DNA dan sel dalam badan kita serta menggalakkan keseimbangan, kesihatan dan keharmonian sistem **disonan** yang kekurangan tenaga elektron.

Penyembuhan DNA – bagaimana ia berfungsi?

Frekuensi 528Hz telah digunakan oleh biochemists untuk memperbaiki DNA manusia. Frekuensi 528Hz mempengaruhi molekul air yang mengelilingi heliks DNA, sekali gus membawa kesan penyembuhan ke atas DNA.

Menurut Dr. Horowitz, semua penyembuhan berlaku daripada gelombang sonik atau getaran yang bergema di seluruh alam semesta. Beliau mendakwa bahawa sel-sel manusia menggunakan DNA, seperti radio menggunakan antena untuk menerima getaran nota dan penyesuaian rentak irama tubuh kepada alam semesta. Beliau merujuk kepada nota Solfeggio 528Hz sebagai "Frekuensi cinta" yang turut memberi manfaat kepada kesihatan, membuka portal untuk transformasi rohaniah dan kebangkitan.

Ini diperkuatkan oleh kenyataan daripada Dr. Candice Pert yang menyatakan bahawa tenaga getaran menembusi semua peringkat selular, membuka kromosom dan mendedahkan

DNA kepada frekuensi.

Ekperimen yang melibatkan DNA dalam vitro yang terdedah kepada rakaman yang berbeza gaya muziknya telah dilaksanakan oleh Glen Rein dari Makmal Penyelidikan Biologi Kuantum di New York.

Terdapat empat gaya muzik untuk Kesihatan. Ianya termasuk Zikir Gregory (Gregory Chant) yang menggunakan skala Solfeggio, telah ditukar kepada skala gelombang audio dan dimainkan melalui pemain CD untuk menguji 'test tube' yang mengandungi DNA dalam vitro. Kesan muzik telah ditentukan dengan mengukur sampel 'test tube' ujian DNA melalui penyerapan cahaya UV selepas sejam pendedahan kepada muzik. Penyerapan cahaya UV dianggap memberi kesan yang besar kepada DNA kerana apabila heliks DNA terurai, ia membantu membolehkan penyerapan.

Keputusan ujikaji Glen Rein menunjukkan bahawa Zikir Gregory (Gregory Chant) memberi kesan peningkatan yang ketara dalam penyerapan cahaya UV berbanding muzik rock yang mungkin mempunyai sedikit atau tiada kesan UV.

Solfeggio Frekuensi 528Hz & Penalaan (tunning) 528Hz

Terdapat beberapa kekeliruan sekitar solfeggio frekuensi 528Hz dan muzik yang ditala untuk 528Hz. Inilah perbezaan:

Solfeggio frekuensi 528Hz adalah nada singular tulen. Tidak berdentum sebagai rentak biaural (dua frekuensi bersama yang berbeza) atau isochronic (nada satu dentuman).

Muzik frekuensi 528Hz berkait dengan keseluruhan muzik dari piawai A = 440 Hz - kepada C = 528 Hz. Ia tiada kena mengena dengan bunyi nada solfeggio sendiri (walaupun mereka bergetar pada jarak gelombang masa yang sama).

Fakta-fakta lain bagi Frekuensi 528Hz yang menarik

Menurut Dr. Leonard Horowitz, 528Hz merupakan frekuensi yang penting kepada "musical

mathematicL matrix of creation". Frekuensi 528Hz juga merumuskan bahawa terdapat 5280 kaki dalam jarak satu batu dan kepingan salji menghablur (crystallize) menjadi bintang berbcu enam.

Saintis matematik Victor Showell menerangkan bahawa getaran 528Hz adalah asas kepada Pi purba. Pi memberi maksud bukti keemasan sepanjang reka bentuk semula jadi. Vic Showell dan John Stuart Reid (perintis dalam penyelidikan akustik dan ukuran cymatic) telah membuktikan bahawa frekuensi 528Hz adalah penting dalam bulatan keramat/suci geometri dan selaras dengan penstrukturan DNA dan penyusunan semula hydrosolik. Tanpa frekuensi 528Hz, tidak akan ada bulatan mahupun kemampuan untuk mengukur masa/ruang.

Sekiranya 528 diputuskan untuk "6", iaitu ikon untuk manifestasi fizikal. Maka $5 + 2 + 8 = 15$; dan $1 + 5 = 6$ (menggunakan Pythagorean math). Simbol "6" refleksi kepada berpilin turun dari langit ke bumi." Malah, frekuensi cinta boleh menjadi asas kepada penyiaran semua perkara dan tenaga yang dipamerkan itu kelihatan realiti.

Mendengar muzik frekuensi 528Hz, secara automatik di dalam badan kita akan bergema, membantu melepaskan emosi tersumbat dan meluaskan kesedaran kita. Frekuensi 528Hz membolehkan kita untuk menala(tune) ke dalam kearifan alam semesta, kebijaksanaan Ilahi dan jiwa kita. Ia mewujudkan perpaduan dan bukan pemisah. Ia membuka luas hati dan membuat kita lebih menyayangi dan merasa belas kasihan. Satu perkara adalah pasti; Orang yang mempunyai gemaan dalam diri mempunyai ketenangan jiwa dan ini adalah titik permulaan yang memberi maksud kita hidup dalam perpaduan, keamanan dan keharmonian di bumi ibu pertiwi.

Nota kaki :

-Resonans merupakan satu proses getaran yang berpunca daripada suatu benda lain yang sedang bergetar. Tahap frekuensi getaran ini berlaku sama dengan frekuensi benda yang bergetar itu.

-Piawai A = 440 Hz penalaan (tunning), 528Hz adalah di atas 4Hz (standard tunning); A = 444Hz. Bila muzik ditala ke A = 444Hz ia bergema dengan C = 528Hz.

-Menghablur merupakan perubahan benda/zat dari padat menjadi gas.

Sumber : Petikan dari Power Thoughts Meditation Club.



Rezeki Buluh Perindu



Fariza Binti Ahmad

“Assalamualaikum, ayah. Jom kita makan dulu. Mira ada bawakan makanan untuk ayah ni. Kejap lagi Mira tolong ayah ya.”

Pak Mat agak terharu dengan kehadiran anaknya yang siap membawa bekal makanan untuknya. Baginya, anaknya itu sangat baik dan prihatin kepadanya berbanding dengan isterinya yang hanya tahu untuk merungut dengan kehidupan mereka.

“Walaikummusalam, Mira lain kali tak payah bawak untuk ayah makanan ni. Nanti ayah balik makan sendiri. Mak kamu mesti bisung ni kalau dia tahu.”

“Mak dah pergi ambil upah cuci baju kat kampung sebelah. Sebab tu la Mira datang dekat ayah. Lagipun Mira kan tengah cuti semester sekarang ni. Sambil tu boleh Mira tolong ayah buat kerja. Tapi sebelum tu, jom kita makan dulu ya. Lepas makan baru sambung balik kerja.”

“Tapi ayah kena siapkan wau ni sebelum pukul 6 petang hari ni. Takut nanti tak sempat siap. Letak saja makanan kat situ. Nanti ayah makan ya.”

Belum sempat Pak Mat menyambung kerjanya yang terhenti sebentar tadi, Mira terlebih dahulu

membuka bekas makanan yang dibawanya di hadapan Pak Mat kerana dia tahu jika dia tidak berbuat demikian, ayahnya tidak akan menjamah makanan itu.

“Ayah jangan risaulah, yang penting ayah makan dulu. Sempat siap wau ayah ni. Nanti lepas makan Mira tolong ayah ya. Sambil tu Mira boleh mantapkan skill Mira buat wau ni.”

Mira tersengih lebar dan menampakkan giginya yang putih bersih. Sememangnya Pak Mat tahu Mira amat meminati seni pembuatan wau tetapi minat Mira itu ditentang hebat oleh isterinya, Mak Senah. Sudahnya Pak Mat hanya mengangguk dengan kata-kata anak kesayangannya itu. Dia lantas meninggalkan sebentar kerja-kerja pembuatan wau dan terus menjamah makanan yang dibawa Mira.

“Mira balik dulu ya. Wau ni pun dah nak siap ni, tinggal lagi satu saja. Ayah boleh buat. Lepas ni ayah nak hantar dekat orang yang pesan wau ni. Mira baliklah dulu, nanti mak kamu bisung cari kamu.”

“Tak apa ayah, nanti pandai-pandailah Mira jawab dengan mak tu. Biar Mira tolong ayah sampai

siap ya. Boleh Mira teman ayah pergi hantar wau ni sekali.”

Pak Mat hanya mengangguk lesu dengan kata-kata anaknya walaupun di dalam hati terbit sedikit rasa risau jika isterinya mengamuk kerana dari dahulu lagi isterinya itu tidak suka Mira menolongnya membuat wau. Pak Mat menyambung semula kerja-kerja membuat wau itu sambil dibantu oleh Mira.

“Oh! kat sini rupanya kau, Mira. Aku suruh duduk kat rumah, tapi kau sibuk buat benda tak berfaedah kat sini.”

Mak Senah tiba di pondok tempat Pak Mat dengan menyinga. Dia menengking Mira kerana terlalu marah Mira datang ke tempat ayahnya membuat wau. Mira yang terkejut dengan kehadiran ibunya itu hanya mampu diam seribu bahasa.

“Saya yang minta Mira tolong saya buat wau ni. Awak jangan marah dia. Bukan salah dia pun.”

Mak Senah menjegil matanya kepada Pak Mat menandakan dia tidak mahu Pak Mat bersuara.

“Mira, kau balik sekarang. Mak nak kau balik sekarang jugak!”

Melihat wajah ibunya yang menyinga, Mira lantas menyalam tangan ayahnya dan beredar dari situ dengan segera. Sementara itu, Mak Senah memarahi Pak Mat kerana membenarkan Mira menolongnya.

“Saya dah cakap kan dekat awak yang saya tak suka Mira tu tolong awak buat wau. Awak tak faham-faham ke? Malu tahu tak muka saya ni bila semua kawan-kawan saya asyik mengata Mira sebab buat kerja yang tak berfaedah ni. Saya tak suka faham tak!”

Kerana terlalu marah, Mak Senah telah menengking Pak Mat seperti orang yang kerasukan sebelum kakinya melangkah pulang ke rumah. Pak Mat hanya mampu berdiam diri ketika itu dan tubir matanya mengeluarkan air jernih dan jatuh di pelupuk pipinya. Dengan perasaan sedih, Pak Mat meneruskan kerjanya yang terhenti tadi dengan segera supaya dia boleh menghantar wau yang dipesan tepat pada masanya.

“Mira, Mira! Sini kau. Dah banyak kali mak pesan dekat kau, jangan pergi sana. Kenapa kau tak dengar cakap mak? Mak malu sebab orang kampung asyik mengata kau saja. Lepas ni kau jangan nak berani-berani lagi pergi sana. Mak tak suka. Kalau kau pergi lagi, siaplah kau mak kerjakan.”

“Tapi mak, Mira bukan buat benda yang tak elok pun. Mira tolong ayah saja. Lagipun Mira suka buat wau tu. Tu salah satu impian Mira. Mak tak payahlah peduli mulut orang kampung tu. Sampai masa bila mereka dah bosan, mulut mereka pun tutuplah.”

Mak Senah menjegil matanya kepada Mira kerana tidak berpuas hati Mira menjawab kata-katanya.

“Ha, melawan! Kau dengar sini ya Mira. Kalau mak dah kata mak tak suka, maknanya mak tak suka! Kau faham tak? Ayah kau tu pun satu. Bukan nak cari kerja yang boleh dapat pendapatan yang banyak. Ini tak, asyik dengan kerja yang tak ada faedah tu. Minat tu tak bawa ke manalah. Zaman sekarang ni duit lagi penting. Kalau tak ada duit, kita satu keluarga tak dapat

makan. Nasib baik mak kerja juga untuk bantu kita sekeluarga. Kalau tak, papa kedanalah kita.”

Selepas sahaja mendengar kata-kata yang tajam itu keluar daripada mulut ibunya, Mira terus berlari masuk ke bilik dan menghamburkan tangisnya yang ditahan sejak tadi. Tidak di sangka ibunya sanggup berkata sedemikian.

Pak Mat menghidupkan motosikalnya untuk menghantar wau yang dipesan kepada pelanggannya di kampung sebelah. Dengan payah, Pak Mat memulas minyak dan motosikalnya bergerak perlahan-lahan. Malang tidak berbau, apabila Pak Mat tiba sahaja di jalan besar, sebuah kereta pacuan empat roda tiba-tiba hilang kawalan dan telah melanggar Pak Mat. Pak Mat tercampak tidak sedarkan diri di tepi jalan. Kereta yang melanggar Pak Mat itu terus memecut laju setelah melanggar Pak Mat.

Mendengar sahaja berita kemalangan Pak Mat, Mira terus bergegas ke hospital bersama ibunya untuk menjenguk Pak Mat. Air matanya tidak berhenti mengalir dari tadi lagi. Setibanya mereka ke hospital, Pak Mat masih tidak sedarkan diri. Mira duduk menemani Pak Mat sementara ibunya hanya sekejap sahaja melihat ayahnya dan ingin segera pulang ke rumah.

“Cik, boleh saya tahu, cik ni waris kepada pesakit?”

Mira hanya mengangguk dengan pertanyaan jururawat yang bertanyakan soalan kepadanya itu.

“Boleh cik ikut saya? Doktor mahu jumpa dengan cik.”

Mira hanya mengikut langkah jururawat itu dengan langkah longlai. Dia menyesal kerana membiarkan ayahnya seorang diri.

“Saya doktor Farah. Doktor yang merawat ayah awak. Ayah awak mengalami kecederaan yang agak serius di bahagian kaki dan kepala akibat terhentak semasa kemalangan. Jadi, saya simpulkan bahawa ayah awak mengalami lumpuh.”

Sebaik sahaja mendengar kata-kata doktor itu, Mira terus menangis tersedu-sedu mengenangkan nasib ayahnya dan mereka sekeluarga.

“Tapi, awak jangan risau. Lumpuh ayah awak ni boleh baik dengan melakukan rawatan yang bersesuaian seperti fisioterapi. Jadi, apabila ayah awak dah sembuh daripada luka, awak boleh bawa dia ke sini untuk menjalani rawatan.

“Baik doktor. Terima kasih”

2 bulan kemudian..

“Dia ni kan, tak habis-habis nak menyusahkan aku. Sudahlah lumpuh, dengan hidup miskin lagi. Eeeee, menyusahkan aku betul.”

Kata-kata Mak Senah seperti belati yang menikam hati Mira. Terasa hatinya bagaikan ditusuk sembilu apabila mendengar kata-kata ibunya seusai dia balik daripada menjemur kain. Sementara itu, Pak Mat hanya diam seribu bahasa dan terbit air mata dan jatuh di pelupuk pipinya.

“Mak, tak baik mak cakap macam tu. Ini dugaan dan ujian untuk ayah dan dugaan untuk kita.”

Mak Senah hanya mencebik mulutnya apabila mendengar kata-kata Mira.

“Kau apa tahu? Sudahlah kita ni miskin. Lagi nak tanggung orang tua ni. Mak tertekan kau tahu tak? Dengan duit makan kita lagi tak cukup. Kos rawatan ayah kamu ni lagi. Duit belajar kau lagi. Kenapalah orang tua ni tak mati saja masa kemalangan dulu?”

“Mak! Sampai hati mak cakap macam tu. Mak dah tak sayang ayahkah? Tergamaknya mak. Mak tahu kan kata-kata tu satu doa.”

Mak Senah hanya berdiam diri. Terbit rasa sesal di lubuk hatinya kerana telah mengeluarkan kata-kata sebegitu. Sementara Mira sudah menangis di sisi ayahnya. Mak Senah tahu Mira amat menyayangi ayahnya dan Mak Senah juga amat menyayangi suaminya tetapi kerana tertekan, dia tidak sedar bahawa dia terlepas kata.

“Assalamualaikum. Pak Mat, o Pak Mat”

“Waalikummusalam. Oh, kau Jali. Pak Mat ada dekat dalam. Masuklah.”

Jali memasuki rumah Pak Mat dan terkejut apabila melihat keadaan Pak Mat yang terlantar di atas katil.

“Ada apa kau nak jumpa dengan aku ni Jali? Ada orang nak tempah wau kah?”

Riak wajah Jali serba salah untuk menjawab pertanyaan daripada Pak Mat. Dia hanya berdiam diri tanpa mengeluarkan sepatah perkataan. Barangkali memikirkan perkataan yang sesuai untuk memberitahu Pak Mat.

“Tak ada apalah Pak Mat. Saya saja datang nak melawat Pak Mat.”

Setelah agak lama bercakap dengan Pak Mat, Jali terus meminta diri untuk pulang ke rumahnya. Mira yang tertanya-tanya tujuan Jali datang ke rumahnya itu terus bertanya Jali. Pada mulanya Jali tidak memberitahu tujuan asal dia ke situ. Tetapi setelah di desak oleh Mira, akhirnya Jali mengalah.

“Sepupu aku dari bandar nak tempah wau dekat ayah kau. Memandangkan ayah kau tak sihat, aku terpaksa beritahu yang wau tak boleh dibuat.”

“Siapa kata wau tak boleh dibuat?”

Jali menunjukkan riak wajah hairan dengan kata-kata yang terkeluar dari mulut Mira. Mira hanya tersenyum penuh makna di hadapan Jali menandakan bahawa dia boleh membuat wau yang dipesan. Setelah kata persetujuan diberikan, dengan senang hati Mira mengambil tempahan wau daripada Jali. Dia bertekad tidak akan mensia-siakan ilmu yang ayahnya perturunkan kepadanya. Dia sudah tidak peduli dengan amarah ibunya apabila mendapat tahu dia menerima tempahan tersebut. Yang dia tahu, minatnya membuat wau perlu diteruskan di samping wang hasil daripada tempahan wau itu sedikit sebanyak dapat menampung hidup keluarganya yang susah.

Mira membuat wau yang ditempah dengan penuh teliti dan khusyuk. Dia ingin memberikan hasil tangannya yang terbaik. Baginya, membuat wau adalah minatnya sejak dari kecil. Jadi dia akan bersungguh-sungguh membuat wau untuk tempahan di samping untuk menampung hidup mereka sekeluarga dan membiayai kos rawatan ayahnya. Tempahan wau kepadanya juga semakin hari semakin banyak hingga kadangkala dia tidak menang tangan untuk menyiapkan wau yang ditempah. Tetapi, hal ini tidak lagi diketahui oleh ibunya yang sememangnya tidak suka dirinya melakukan kerja-kerja pembuatan wau.

“Mira! Dah banyak kali aku larang kau yang aku tak suka kau buat wau ni. Kenapa kau degil ha? Dah, balik sekarang! Kau tak malukah dekat orang kampung yang asyik mengata dekat kau? Dah, balik sekarang. Kemaskan barang-barang kau. Esok dah nak balik ke tempat kau belajar.”

Mira hanya berdiam diri tanpa menunjukkan apa-apa reaksi kepada ibunya yang masih memarahinya. Dia hanya duduk sambil menyambungkan kerjanya seperti tidak ada apa-apa

yang berlaku.”

“Kau tunggu apa lagi tu Mira. Bangun sekarang! Balik!”

Mira tersentak dengan tengkingan Mak Senah tetapi dia tetap seperti tadi, hanya mendiamkan diri dan menyambung kerja-kerja membuat wau. Geram dengan tindakan Mira yang tidak endah dengan arahnya, Mak Senah terus mengambil rangka-rangka wau yang telah disiapkan Mira dan melemparnya ke tanah. Tidak cukup dengan itu, dipijaknya pula buluh itu sehingga patah.

“Mak!”

Mak Senah terus memijak rangka wau itu dengan perasaan geram yang teramat. Hatinya berasa puas setelah merosakkan rangka wau tersebut. Selepas hatinya berasa puas, dia melangkah meninggalkan tempat itu.

“Mak, sampai hati mak buat Mira macam ni. Mak dah rosakkan rezeki Mira. Sekarang Mira nak mak tahu, Mira dah minta tangguh di tempat belajar Mira. Mira akan fokuskan untuk buat wau yang orang tempah. Lagi satu, mak tak payahlah nak kisah mulut orang kampung tu. Sampai masa mereka bosan, diamlah mulut mereka tu. Sama ada mak suka ataupun tak, mak kena terima juga sebab ini bukan saja minat Mira tapi ini sumber rezeki kita. Mira harap mak restu dengan keputusan Mira ni.”

Tanpa berpaling kepada Mira, Mak Senah berjalan pulang dengan hati yang sedih mengenangkan nasib mereka sekeluarga..

.....
2 tahun kemudian...

“Mira, berhenti makan dulu, nanti sambung balik layan pelanggan tu. Mak dah siapkan makanan ni.”

“Sekejap ya mak. Mira dah nak habis dah ni.”

Selepas dua tahun, perniagaan wau Mira menjadi semakin terkenal sehinggakan dia terlalu sibuk menguruskan perniagaannya. Mira kini telah mempunyai beberapa orang pekerja untuk membantunya menyiapkan wau yang dipesan. Selain itu, Mira juga mempunyai laman web sendiri untuk berniaga. Ayahnya pula sudah semakin sembuh daripada lumpuh kerana menjalani rawatan dengan baik.

“Mak, ayah, Mira fikir nak buka satu tapak kedai untuk Mira uruskan perniagaan wau Mira ni. Ramai sangat yang tempah wau sampai tak menang tangan nak

dibuatnya. Ruang pun tak cukup untuk letakkan wau yang dah siap.”

“Apa pun keputusan kamu, mak dengan ayah akan sokong kamu dari belakang. Jangan lupa pula minggu depan kamu kena pergi ke dewan dekat bandar tu. Kamu dah siapkan teks untuk ceramah kamu tu?”

“Mira tak perlukan teks mak. Kat sana nanti Mira akan bercerita tentang bagaimana Mira boleh berjaya sampai ke tahap ini. Mak tahu kan sebab siapa Mira berjaya. Mira nak ucapkan terima kasih dekat mak sebab dah restu Mira buat perniagaan wau ni. Terima kasih juga dekat ayah sebab dah ajar Mira buat wau dari sekecil-kecil wau sampailah sebesar-besar wau. Mira sayang sangat dekat mak dengan ayah.”

Mira memeluk ayah dan ibunya dengan penuh kasih sayang. Airmata terharu yang dari tadi ditahan oleh Mak Senah akhirnya mengalir di pipinya. Kini Mak Senah betul-betul bersyukur kepada Ilahi kerana telah mengurniakan seorang anak yang tidak pernah berputus asa untuk memperbaiki kehidupan mereka sekeluarga.

“Mira, ingat pesan ayah. Ilmu yang kita ada ni, kita harus kongsi kepada sesiapa sahaja. Jangan kita kedekut ilmu. Rezeki yang kita dapat ni datangnya dari Allah. Buluh yang kita ambil tu pun Allah yang beri rezeki.”

“Ya ayah, Mira akan ingat kata-kata ayah tu. Terima kasih ayah. Oh ya, Mira dah daftar balik dekat tempat belajar Mira tapi Mira tukar mod pengajian. Mira tukar kepada pengajian jarak jauh. Bolehlah Mira belajar sambil bekerja.”

Pak Mat dan Mak Senah hanya mengangguk-angguk dengan kata-kata Mira menandakan mereka menyokong keputusan Mira. Sesungguhnya nikmat Allah itu luas. Pak Mat dan Mak Senah amat bersyukur kerana telah diberikan rezeki yang banyak untuk menampung hidup mereka.

“Apa ya nama sesuai untuk kedai Mira nanti? Ayah dengan mak ada cadangan tak?”

“Buluh Perindu”

Pak Mat dan Mak Senah serentak menyebut perkataan itu. Mira tergamam mendengar kata-kata yang keluar dari mulut Pak Mat dan Mak Senah. Mereka berpandangan antara satu sama lain dan tersenyum.

TAMAT

Pengorbanan



Mazlan Ahmad

“CEPAT! Cepat! Apa lagi yang terhegeh-hegeh tu? Kamu semua jangan ingat dapat lari!” jerkah Tok Penghulu Md. Yasin kepada sekumpulan pemuda kampung.

Memang suasana ketika itu di Kampung Kesang Tasek serba kelam-kabut. Sebuah perkampungan Melayu terletak dalam jajahan Sungai Rambai, Jasin, Melaka yang asalnya aman damai namun direntap kini nikmatnya gara-gara hawa nafsu sang penjajah.

“Sesiapa yang melarikan diri, seluruh ahli keluarganya akan dibunuh oleh tentera Jepun,” tambah Tok Penghulu Md. Yasin lagi yang menzahirkan nada ugutan kepada para pemuda kampung.

Antaranya ialah seorang anak muda bernama Ahmad bin Hassan yang merupakan anak jati di Kampung Kesang Tasek itu. Kata-kata si Tok Penghulu itu masih lagi terngiang-ngiang di telinganya sehingga kini semenjak tiba masa dan ketikanya hari pengumpulan secara beramai-ramai anak-anak muda kampung. Semuanya masih jelas dalam kaca si penglihatan anak muda Ahmad itu. Jelas!

Ahmad yang dikenali sebagai seorang pemuda kampung biasa, sama seperti sahabat-sahabatnya yang lain. Namun begitu, rasa kasihnya yang sangat menebal terhadap saudara-mara dan ahli keluarganya menjadikannya sebagai seorang insan yang amat disanjung. Masih lagi terkenangkan peristiwa hitam yang membelenggu hidupnya, Ahmad sikit pun tidak menyalahkan orang lain, sebaliknya itulah yang menjadikannya lebih cekal.

“Apa aku boleh buat? Aku sayangkan dia dan lain-lain”, keluh Ahmad perlahan.

“Ah, itu alasan kau saja Mad, kau dah teraniaya sebenarnya,” bantah Md. Misai yang merupakan salah seorang sahabatnya daripada 19 orang mereka.

“Habis kamu semua tu tak seperti aku? Bukankah teraniaya juga?” tangkis Ahmad mengembalikan soalan kepada sahabatnya itu.

“Tak, kami bukan teraniaya macam kau Mad, kami ke sini sebab rela,” jawab Md. Misai dengan pantas.

“Ya, betul tu Mad!”.

Jawapan Md. Misai turut dipersetujui oleh sahabat lain dengan penuh yakin yang ada di situ. Antaranya ialah Md. Kundur, Mat Ela, Said, Atan, Juraimi, Bakar Mos, Dawi, Yusop Camang, Mak Lang Mat Ris dan Harun Keling. Mereka merupakan teman rapat Ahmad sejak dari kampung lagi.

Sebenarnya jawapan dari Md. Misai bukanlah jawapan yang sebenarnya, namun sekadar ayat penyedap hati sahaja yang mewakili sahabat-sahabatnya yang lain. Jauh di dalam lubuk hati dan sanubari terasa kuat kekesalannya. Namun, dek termakan pujukan mesra daripada Tok Penghulu mereka bagai terpukau.

Setelah seharian bersama-sama Ahmad di Bandar Hilir, mereka pun menuju ke Tampin yang merupakan tempat transit dari Bandar Hilir menuju ke berek tentera di Changi, Singapura. Ketika itu hanya dengan menaiki keretapi sahaja yang tersedia untuk mereka. Perjalanan ketika itu masih segar dalam ingatan Ahmad.

“Aku rasa abang kau yang patut di sini, bukan kau, Mad. Kau pun ada hidup kau sendiri kan?” tambah Yusop lagi sambil diperhatikan oleh 17 orang sahabat sekampungnya.

“Tapi... abangku Md. Tap kan dah ada anak bini, takkanlah dia boleh tinggalkan keluarganya begitu sahaja? Anak saudara aku yang dua orang tu pun kecil lagi kan? Aku tak sangguplah Sop nak tengok mereka ditinggalkan ketika anak-anak itu masih kecil lagi.



Bukannya datang kerja gomen, tapi sebagai buruhlah Sop. Bukannya dekat Sop tapi di Siam tu, Sop. Aku tak sanggup! Aku lebih rela gantikan tempat dia. Lagi pun aku belum berkeluarga, apa salahnya aku berkorban sikit” jawab Ahmad dengan panjang lebar untuk mempertahankan keputusannya.

Tercetus rasa bangga dan simpati jauh di dalam sudut hati serta benak Yusop Camang.

“Kau memang baik, Mad. Kau memang ikhlas dalam setiap perbuatan kau” kata belas Yusop sambil membanding-bandingkan Ahmad dengan adik-beradiknya yang lain.

“Niah, Burok, Mbam, Bachik, Saayah dan Mahaat patut berasa bangga mempunyai seorang saudara lelaki yang sanggup bertaruh nyawa dan berkorban sebegini”.

Yusop keseorangan mengenangkan mereka sebelum menaiki keretapi beramai-ramai. Kini, kesemua mereka telah jauh meninggalkan ahli keluarga, hanya sahabat sejati sahajalah yang menjadi pengganti keluarga untuk menghilangkan rasa rindu dendam terhadap mak ayah, adik-beradik tersayang dan kampung halaman.

Hari kian gelap dan suasana malam semakin sunyi. Masing-masing mengambil tempat untuk merebahkan badan buat seketika. Penempatan di Tampin itu tidaklah seelok mana, cuma cukup sekadar untuk berteduh. Sedang yang lain melabuhkan perbualan dan kenangan.

“Mad, apa kata mak ayah kau bila kau ke sini?”.

Dalam penglihatan yang semakin gelap dan malap, terpancung satu suara mengajukan soalan kepada Ahmad. Suara itu seakan-akan Ahmad cukup kenal.

“Mereka tahu Dawi”, jawab Ahmad ringkas. “Tapi...tak apalah Dawi, kita kena tidur awal, esok nak berjalan jauh”.

Ahmad segera meninggalkan perbualan mereka. Masing-masing senyap dibuai keheningan malam di Tampin. Perasaan yang amat sedih terus membelenggu jiwa dan hati Hassan serta Urai di Kesang Tasek.

“Apalah agaknya yang mereka sedang buat sekarang, bang? Bagaimanakah makan minum mereka dan di mana mereka tidur?” lontaran kerisauan Mak Urai kepada suaminya bertubi-tubi.

Ketiadaan Ahmad di samping mereka sungguh terasa. Sememangnya Ahmad seorang anak yang rapat dengan Pak Hassan dan Mak Urai.

“Tak apalah, kita doakan yang baik-baik untuk

dia, Insya Allah semuanya akan selamat. Awak jangan risau sangat, dia dah besar panjang kan? Pandailah dia menjaga diri di sana nanti” dengan tenang Pak Hassan menjawab persoalan isterinya itu.

Walaupun tak sanggup melihat kepergian Ahmad itu, namun mereka tidak berdaya menahan kerana ianya bagai terdesak. Ditambah lagi dengan ancaman yang pernah dilemparkan oleh Tok Penghulu Md. Yasin ketika hari pengumpulan pemuda-pemuda kampung untuk dihantar ke Siam untuk berkerja.

“Apa yang tak risaunya bang, Mad pergi sana bukan untuk bercuti atau kerja hebat. Tapi untuk jadi buruh paksa bang! Itu pun kalau betul seperti Tok Penghulu katakan. Bagaimana kalau tak betul? Dibunuh saja Mad dan kawan-kawannya macam mana?”. Risau Mak Urai kian bertambah.

Dalam seminggu berada di Changi, Ahmad dan para sahabatnya dapat berkenalan dengan ramai lagi pemuda-pemuda lain yang hampir sebaya dengan usianya. Rupanya ramai lagi yang berhadapan situasi sukar sepertinya.

“Tak apalah Dawi, aku dah malas nak fikir cara untuk keluar dari sini. Lagi pun bukan kita saja di sini, nah! Kau tengok tu, ramai lagi kawan-kawan kita di sini kan?” ujar Ahmad kepada Dawi yang tersugul membatu ketika berehat di berek Changi.

Asalnya memang terdetik niat di hati mereka semua untuk melarikan diri dari situ dan pulang ke kampung halaman. Disebabkan kawalan ketat yang dikenakan oleh tentera Jepun telah pun menguburkan harapan mereka. Apatah lagi dengan ugutan dan ancaman oleh tentera Jepun yang sesiapa yang cuba melarikan diri. Ibu bapa dan keluarganya di kampung akan dibunuh. Masing-masing di dalam lemas keputusan. Dari berek Changi, Singapura kesemua mereka bersama-sama kohort yang terawal hampir 400 – 500 orang telah menaiki kapal laut untuk ke Bangkok.

“Kau tengok Dawi, bukan kita saja yang ada di sini. Ramai lagi tu. Kita kat sana nanti tak sunyi la.”

Ahmad sekali lagi menokok ayat penyedap hati kepada Dawi ketika di atas kapal. Dawi langsung tak berkata apa. mulutnya bagai digam rapat, fikirannya kosong. Sepatah ayat tidak terbit dari mulutnya yang sedikit kering itu. Namun kelopak mata basah lembap.

Setelah seberapa lama di atas kapal laut dari Singapura, akhirnya kapal yang dinaiki mereka berlabuh di Bampong yang merupakan sebuah perlabuhan di Siam. Itulah detik mulanya pengalaman baharu oleh Ahmad dan sahabatnya yang lain. Permulaan yang pertama ditempuh adalah diarahkan



berjalan kaki selama 6 hari 6 malam untuk menuju ke kem Tomojo.

Perlikuan perjalanan yang agak jauh itu begitu terasa kerana terpaksa merentasi bukit-bukit, lurah, hutan belukar, denai dengan hanya berpandukan laluan gajah sahaja selama 6 hari. Selama dalam perjalanan itu jugalah, kaki mereka bagai hendak tercabut bersama-sama rasa dahaga yang membakar tekak.

Bermula dari itu, masing-masing di antara mereka sudah dapat bayangkan bagaimana keperitan dan kesukaran yang bakal dihadapi kelak. Wajah Atan, Dawi, Yusop dan lain-lain masing-masing mengerut seribu dahi mereka. Langsung tiada siapa yang bersuara membuka tajuk cerita. Sepanjang perjalanan yang sunyi itu, seribu perkara telah melatari dalam kotak pemikiran mereka.

“Aku dah tak larat nak jalan lagi ni Mad. Berapa hari lagi kita kena berjalan? Dah hampir seminggu belum sampai lagi. Aduh..” keluh Atan seorang.

Namun tiada siapa yang bernafsu untuk menyambut keluhan Atan itu. Masing-masing sudah tiada rasa untuk bercakap. Keletihan jelas terpancar, pucut lesi wajah. Lemah longlai terus disajikan oleh kesemua mereka. Semasa di separuh perjalanan sudah 4 – 5 orang daripada kohort lain yang sudah rebah keletihan. Kadang kala datang juga persoalan yang bersalut penyesalan.

“Kenapalah aku bodoh sangat ke mari? Tinggal di kampung kan lebih bagus”. “Tentera Jepun ni bukan saja ingin merampas hak-hak kita di tanah sendiri tapi mereka juga merampas jiwa-jiwa kita!” teriak Harun Keling sambil bergenang kelopak mata.

“Ini semuanya Tok Penghulu yang punya angkara! ..” lanjutnya lagi.

Suasana dalam perjalanan itu bertambah sendu selepas kata-kata Harun Keling dilontar. Masing-masing kembali berfikir dalam letih. Selepas penat menapak bersama beban beg bekalan, akhirnya Kem Tomojo sudah kelihatan di sayup-sayup penglihatan mereka semua.

Belum sempat berehat daripada penat menapak, tentera Jepun sudah pun memberi isyarat bahawa mereka perlu bersiap siaga untuk ‘menabur khidmat’ pula. Maka bermulalah kerja-kerja membina jalan keretapi. Mandur-mandur yang ada sama sekali tidak lepas memerhati segala gerak laku Ahmad dan yang lain-lain. Mereka dipaksa dan dikerah untuk menebang hutan belukar yang tebal, mengangkat kayu sebesar 1 – 2 pemeluk orang dewasa, mengangkat batu-batu sungai dan membersihkan laluan.

“Tan? Kau tengok tali barut Jepun tu, asyik kerling kita kerja saja dari tadi. Aku tengok muka mereka pun dah benci.” Cetus Harun Keling kepada Atan sambil memuncungkan mulutnya seperti tikus mondok menunjukkan ke arah mandur-mandur Melayu yang dilantik Jepun itu. Mandur-mandur tersebut tekun mengawasi mereka semua supaya tiada siapa yang boleh menyelinap lari dari melakukan kerja. Tetapi sekali sekala dipantau juga oleh tentera-tentera Jepun yang bengis dan menakutkan itu.

Sehari-hari kehidupan Ahmad dan sahabatnya serta pemuda yang lain sama sahaja. Bangun tidur di awal pagi sudah terpaksa berkerja membanting tulang empat kerat memenuhi kehendak orang asing. Mahu atau tidak mereka terpaksa memerah kudrat yang ada jika mahu terus hidup sehingga tubuh masing-masing sudah tidak bermaya lagi. semuanya menjadi kurus berurat hingga menampakkan tulang belulang.

“Aku tak tahan dah Mad. Aku tak sanggup lagi Mad. Aku nak balik.”

Begitulah aduan Mat Ela kepada Ahmad yang ketika itu air bening pun mula bertakung. Jernih! Tampak kepiluan yang amat sangat dalam kedua anak mata Mat Ela itu.

“Sabar Mat, nanti kerja kita ni semua dah siap boleh la kita balik. Tak lama lagi dah. Aku pun rindukan kampung, rindukan orang tua aku.” Ahmad cuba memujuk Mat Ela perlahan-lahan supaya dapat bertahan.

“Aku pun tak tahan dah di sini Mad, dah dekat 3 bulan kita di sini dah macam hamba abdi. Hidup dah tak macam orang!” Yusop Camang pula menambah.

Ahmad hanya membalasnya dengan senyuman lalu tunduk. Gayanya seperti sedang berfikir sesuatu perihal yang sangat rumit.

Hampir 3 bulan bertungkus lumus dikerah barulah jalan keretapi di Stesen Tomojo siap sepenuhnya dibina oleh mereka. Ramai yang sudah mula menguntum senyuman dan menarik nafas lega. Dada dan fikiran mereka mula lapang. Ahmad sudah berkira-kira kembali jarak perjalanan ke Kesang Tasek.

“Cepat! Kamu semua berkumpul di sini. Sekejap lagi kita akan pergi Tamorong Panti pula.” Arah seorang mandur Melayu yang tinggi lampai itu kepada semua buruh-buruh di situ.

Semua buruh di situ terpinga-pinga sesama mereka berfikir ke mana pula mereka akan pergi seterusnya. Ahmad mula kehairanan. Kemudian suasana mula riuh sedikit yang lama kelamaan menjadi gegak gempita. Akhirnya diterangkan semula oleh



mandur tersebut bahawa mereka perlu ke Tamorong Panti untuk membina jalan keretapi yang lain pula.

“Ahhh! Mana boleh!”

Jerit sekumpulan buruh yang lain sebagai tanda memprotes. Namun begitu, mereka akhirnya terpaksa menuruti sahaja kehendak tentera Jepun. Masakan tidak, siapa sahaja yang berani membantah terus ditusuk bannet atau pun ditembak oleh tentera Jepun yang ada di situ.

Terus menerus kehidupan sebagai buruh merantai diri mereka. Kerja-kerja berat dilakukan tanpa ada keluhan lagi disebabkan tidak berdaya melawan dan sudah terbiasa. Seheinggakan telapak tangan tidak terasa lagi disebabkan kematu mengangkat objek-objek berat dan keras. Diri mereka juga mula tidak terurus. Kusut masai, berbau hamis, berpakaian compang camping adalah satu kebiasaan. Seusainya membina Tamorong Panti Stesen, mereka diarahkan untuk menyambung laluan tersebut hingga ke Nikie.

“Agaknya sampai ke manalah kita ni. Lepas satu stesen, stesen lain pula kita perlu bina.” Keluh Md. Misai.

“Sampai mati la Mad, macam kawan-kawan kita yang lain”. Jawab Harun Keling bersahaja tanpa memandang muka Md. Misai pun.

Hari bersilih hari, minggu berganti minggu para pekerja silih berganti orang, kerja-kerja membina jalan keretapi dilakukan oleh mereka.

“Aku lapar ni, tak tahan dah. Boleh mati kebulur aku”. Mengadu Mak Lang Mat Ris keseorang sambil diperhatikan oleh sahabatnya yang lain di tapak pembinaan jalan keretapi itu.

Mereka semua langsung tidak mendapat nikmat makanan selama berkerja. Mana tidaknya, sepanjang berkerja mereka hanya diberi makan nasi kepal berlaukkan ikan masin sahaja sebanyak 3 kali sehari. Namun untuk mengisi perut dari kelaparan semua itu bukanlah satu alasan untuk tidak menjamah apa yang diberikan itu.

“Aku rindu kampung Mad, aku rindu mak ayah aku. Aku teringin sangat nak makan asam pedas yang mak aku masak.” Atan mengeluh kepada Ahmad yang mengangkat kayu di hadapannya.

“Kita ni bekerja bagai nak rak, dah separuh mati bahkan ada pun yang dah mati, tapi dilayan macam abdi. Makan minum tak tentu tak pernah cukup. Sakit itu ini. Dah macam dalam penjara!” Atan berleter panjang.

Tapi leterannya itu langsung tidak dilayan oleh

sesiapa kerana risau didengari oleh mandur yang ada situ.

“Aku bukan apa Tan, aku cuma kesian pada kawan-kawan kita yang lain. Ramai yang tidak sempat pulang ke kampung mereka. Ramai yang sedang menderita hidup kerana sakit tapi langsung tidak dihiraukan oleh tenteta Jepun celaka itu! Kau tengok arwah Juraimi dan Bakar, mereka merintih dari sakit tapi langsung tak dihiraukan oleh Jepun-Jepun tu semua!”

Tiba-tiba suasana yang agak santai itu disahut oleh suara deras Yusop Camang. Yusop Camang sangat marah kepada tentera Jepun kerana tidak berperikemanusiaan sehingga langsung tidak mengendahkan permintaannya untuk meminta ubat-ubatan bagi merawat sakitnya dan rakan kerjanya yang lain sehingga ada yang maut.

Ramai di antara mereka yang menghidap penyakit kudis buta, malaria, kusta termasuklah Yusop Camang sendiri yang menderita kerana penyakit kudis buta. Sepanjang di sana, ramai yang telah mati akibat penyakit tokak. Secara puratanya, dianggarkan hampir 15 – 20 orang yang mati setiap hari termasuklah pekerja-pekerja daripada kumpulan lain.

Dengan persekitaran tempat tidur yang kotor, kemas diri yang tidak dijaga rapi, makanan dan minuman yang tidak bersih, ditambah pula dengan ketiadaan ubat-ubatan maka mereka memang bergelumang dalam penyakit sebegitu. Tidak dapat lepas!

Apa yang lebih terkilan bagi Ahmad, ada dalam kalangan rakannya dicampak ke dalam satu lubang besar bersama-sama mayat-mayat yang lain sedangkan masih bernyawa. Masih jelas kedengaran di telinga Ahmad suara rakannya yang tidak bernasib baik yang masih bernyawa memanggil-manggil namanya ketika melalui lubang tersebut untuk pergi berkerja. Itulah antara seksaan yang dilakukan oleh pihak Jepun terhadap mereka sepanjang tempoh berkerja di sana.

Ahmad terduduk berteduh dan bersandar di bawah sebatang batang pokok rendang. Miripnya seperti pohon Keriang. Fikiran Ahmad mula mengingati semula pesanan arwah Juraimi.

“Mad, kalau kau dapat balik nanti, sampaikan salam kat keluarga aku ya..”.

Apa yang didengari olehnya sangat menyentak perasaannya. Rasa sayu dan hibanya mula berputik. Itulah kata-kata Juraimi yang dipesan kepada Ahmad ketika berperang dengan sakit malaria di Stesen Nikie. Ahmad seharusnya bersyukur kepada Tuhan kerana



berkat ketabahan dan ketentuan Ilahi mungkin disebabkan doa kesengsaraannya, Ahmad dapat bertahan dari segala penyakit berjangkit itu.

Selain itu, Ahmad juga seorang yang pembersih dan senantiasa menjaga kebersihan diri. Tempat tidurnya pula di atas tanah bersebelahan tungku tempat menanak nasi. Faktor itu merupakan punca Ahmad tidak diserang oleh penyakit berjangkit itu semua seperti sahabatnya yang lain.

“Ya Allah, aku bersyukur ke hadrat-Mu ya Allah, terima kasih ya Allah kerana jauhkan aku dari semua penyakit ini. Kau berilah kekuatan padaku ya Allah untuk bertahan di sini. Dan kau rahmatilah arwah sahabatku yang telah pergi.” Berdoa Ahmad keseorangan di dalam hati kecilnya merayu pada Yang Esa.

Pejam celik pejam celik mereka telah pun selesai membina jalan keretapi di Stesen Nikie hinggalah ke Seguraya yang hampir di sempadan Burma, Mulmin dan Rangoon. Dengan ketidakrelaan mereka itu, dalam tidak sedar bahawa mereka telah pun mengambil masa hampir 3 tahun untuk menyiapkan semua jalan keretapi tersebut. Hinggalah pada tahun 1945, barulah jalan keretapi tersebut siap sepenuhnya.

Namun pada tahun yang sama, mereka bernasib baik apabila Jepun menyerah kalah akibat pengeboman yang berlaku di Nagasaki dan Hiroshima. Akibat daripada itu, terdapat beberapa orang rakannya seperti Pak Lang Md. Ris, Harun Keling dan Lajis Abdullah (sepupunya yang datang sebulan selepasnya) telah pulang ke Tanah Melayu dan dikhabarkan telah sampai ke Kuala Nerang, Kedah melalui jalan darat dan dimaklumkan terus menetap di sana.

Namun begitu, Ahmad tidak terus pulang ke Tanah Melayu untuk mencari keluarganya. Sebelum pulang, Ahmad berusaha mencari sahabat-sahabatnya yang masih tersisa hidup dan menetap di Malay Camp Thailand, Bangkok di bawah seliaan Mejar Yusof. Kem tersebut merupakan kem askar Melayu untuk menempatkan orang-orang Melayu yang terlepas dari tahanan perang.

Di kem itulah Ahmad mula bersahabat pula dengan Mejar Yusof dan tujuan utamanya ialah ingin meminta pertolongan beliau untuk mencari sahabatnya yang lain. Apa yang malangnya ialah di kem tersebut Ahmad dapati tiada seorang pun sahabat sekampungnya. Hanya dia seorang. Itulah yang menambah kelukaan hatinya.

“Ahmad, kalau kamu ingin pulang ke Tanah Melayu, kamu boleh naik kapal laut yang akan ke Singapura”. Pujuk Mejar Yusof terhadap Ahmad yang

sedikit lain bunyi sebutannya.

Mejar Yusof merupakan seorang tentera British yang telah memeluk Islam ketika berkhidmat di Tanah Melayu. Setelah berada di Malay Camp Thailand selama 1 tahun 6 bulan, pada tahun 1947 Ahmad telah pulang ke Tanah Melayu dari Bangkok dengan menaiki kapal laut yang begitu besar bernama S.S. SELAMI. Kapal laut tersebut membawa ramai lagi tahanan perang lain serta orang-orang yang sama nasib dan bekerja sebagai buruh seperti Ahmad. Kira-kira 2 ribu orang boleh diisinya dalam satu-satu masa.

Setibanya kapal tersebut di Singapura, kesemua mereka dikuarantin selama 2 bulan. Selama dua bulan itulah Ahmad telah mengutuskan beberapa pucuk surat untuk adik beradik dan saudara maranya di kampung bagi bertanyakan khabar berita. Namun pucuk-pucuk surat kegembiraan Ahmad itu tidak seperti disangka apabila dalam banyak-banyak surat yang dikirim, hanya satu pucuk sahaja yang dibalas iaitu dari anak saudaranya bernama Kahar bin Jamudim.

Ahmad terpaksa bersusah payah untuk menulis surat sebegitu banyak untuk dikirim kepada adik beradik dan saudara maranya di kampung kerana hanya dengan surat sebegitu Ahmad boleh pulang semula ke kampung halamannya. Pihak tentera British telah pun menetapkan syarat terhadap semua orang yang menumpang kapal laut mereka untuk pulang ke Tanah Melayu dari Bangkok bahawa mereka dibenarkan pulang ke pangkuan keluarga sekiranya masih ada adik beradik atau saudara mara di Tanah Melayu. Jika sebaliknya, mereka perlu berkhidmat pula dengan pihak British.

“Bagaimana Ahmad? Surat-surat yang kamu kirim itu sudah dibalas?” tanya Mejar Yusof yang loghat Inggerisnya sudah mulai nipis setelah bertahun sudah berada di rantau Melayu.

“Ya Tuan. Surat saya sudah dibalas. Anak buah saya yang balas. Terima kasih Tuan”. Cepat-cepat dijawab oleh Ahmad sambil tersenyum. Tangan berjabat.

Ahmad tersenyum kerana dengan surat dari Kahar itulah yang akan digunakan olehnya untuk mendapatkan pelepasan pulang ke Melaka dari tentera British.

“Kamu seorang saja yang nak balik ke sana? Tak ada yang lain?” tanya Mejar Yusof lagi.

“Ya Tuan, saya seorang saja. Sahabat saya yang lain ada yang hilang, ada yang pergi ke tempat lain, ada yang.....” riak wajah Ahmad yang ceria tadi tiba-tiba berubah sambil suaranya jugak perlahan. Perbualan



ditinggalkan begitu saja.

Berselang beberapa hari kemudian dengan bantuan Mejar Yusof, Ahmad telah dilepaskan oleh tentera British melalui sokongan surat dari anak saudaranya itu. Pulanglah Ahmad dengan berbekalkan beras 3 kati, gula 1 kati dan susu 4 tin yang diberikan oleh Mejar Yusof. Perasaan yang tercetus tidak dapat digambarkan bagaimana gembiranya setibanya di stesen yang dihantar oleh pihak British.

Sepanjang perjalanan pulang ke Melaka dengan kereta api dan trak tentera British, wajah Ahmad senantiasa mengukir senyum. Senyuman itu tidak pernah lekang dari riak wajah. Sedetik pun Ahmad tidak terlelap tidur seperti orang-orang lain yang keletihan. Ahmad menikmati setiap pemandangan sekeliling melalui trak tersebut.

“Alhamdulillah, terima kasih ya Allah. Alhamdulillah.”

Begitulah perkataan yang diulang oleh Ahmad di dalam hati dan mulutnya, tidak pernah lekang mengetip bibir sepanjang perjalanan itu. Betapa bersyukur telah terpancar. Meskipun kegembiraan yang dikecap Ahmad ketika itu untuk pulang ke pangsang keluarga, terselit juga rasa sedih hiba mengenangkan nasib sahabatnya yang lain. Memikirkan sahabatnya yang telah mati, yang menetap di tempat lain, yang hilang begitu saja. Semua itu bercampur baur memenuhi ruang perasaannya yang sedikit pun tidak menghiraukan penat lelah yang ditanggung ketika itu.

Seberapa lama dalam perjalanan, akhirnya Ahmad dan orang lain yang turut pulang menaiki trak British tiba di Bandar Hilir. Tanpa membuang masa, mereka beramai-ramai terus melaporkan diri di Melaka Station. Semua orang berpusu-pusu menyerbu kaunter pendaftaran. Berlari, berebut, berasak-asak. Riu rendah tempat itu. Masing-masing kelam kabut menulis nama berpelukan, melompat. Hiruk pikuk seketika.

Ahmad masih lagi sabar menanti gilirannya tiba untuk melaporkan diri di kaunter. Ada 4 – 5 barisan yang panjang. Semua orang berbaris dengan sabar di sana. Serasanya tiba di tanah tumpah darah sendiri, bau tanah lembap, angin kering bertiup menampar muka, semuanya membuatkan Ahmad terkelu lidah untuk bercakap lagi.

Usai sahaja melaporkan diri di kaunter setelah beratur sejam lebih masing-masing berlari pulang di penempatan sekitarnya sambil melompat-lompat. Tersenyum Ahmad melihat telatah mereka itu. Ahmad faham apa yang dirasakan oleh mereka itu, Ahmad faham kenapa mereka perlu melompat dan menjerit sebegitu.

Kini, Ahmad pula mula mencari haluan, membuka langkah perlahan-lahan berjalan mencari kampungnya. Langkahnya tidak kalut, nampak tenang tapi agak laju. Selangkah demi selangkah Ahmad berjalan. Basah juga belakang baju yang dipakai Ahmad itu.

Lewat petang, sedang matahari sudah bercahaya tua. Lembayung mula berkira-kira mahu menutup langit barulah Ahmad sampai di pekan Sungai Rambai. Sampainya Ahmad di pekan Sungai Rambai, dia agak terkejut. Matanya membulat kehairanan melihat penduduk sedang berlari dan berebut-rebut ubi kayu daripada longgakan yang dilonggokkan oleh pihak tentera. Apabila didekati seorang tua Ahmad muka bertanya sebabnya.

“Kenapa ni pakcik? Semua orang berebut-rebut ubi kayu?” tanya Ahmad dengan penuh hairan.

“Inilah makanan kita sekarang nak, kalau kamu mahu baik cepat pergi ambil, nanti dah lewat tinggal habuk saja”. Jawab dengan sayu daripada pakcik itu

Barulah Ahmad jelas, rupanya ubi kayu menjadi makanan ruji pada ketika itu untuk semua penduduk kampung. Tertunduk pilu Ahmad kesorang. Tapi apa yang lebih menarik perhatian Ahmad bukanlah cerita fasal ubi kayu dan Jepun tetapi adalah ibu bapanya, Pak Hassan dan Mak Urai! Masih hidupkah lagi! Bagaimana ahli keluarganya yang lain?

Tanpa mempedulikan situasi kampung lagi, Ahmad terus bergegas lari pulang ke rumah yang telah sekian lama ditinggalkan. Rindu dendamnya terhadap orang tuanya sangat mendalam. Dalam tangis Ahmad berlari pulang. Tidak hirau lagi orang lain atau pun perkara lain. Ahmad terus berlari. Lari! Lari untuk pulang. Pulang!



GUNAKAN KATA LALUAN YANG SUKAR UNTUK DITEKA (GABUNGAN HURUF, NOMBOR, TANDA DAN SIMBOL CONTOHNYA: N@MAS4YAA/I)

SENTIASA TUKAR KATA LALUAN SETIAP 3-5 BULAN SEKALI DAN JANGAN DEDAHKAN KEPADA ORANG LAIN

JANGAN SESEKALI MEMBERI ID ATAU KATA LALUAN ANDA KEPADA EMEL PALSU (PHISHING)

TIPS KESELAMATAN ICT

MUHAMMAD AZHARI MOHD AMIR

SENTIASA ENCRYPT DATA DAN MAKLUMAT TERPERINGKAT

JANGAN BUKA EMEL DARI PENGHANTAR YANG TIDAK DIKENALI

BUAT SALINAN (BACKUP) MAKLUMAT PENTING DENGAN KERAP DAN SIMPAN DI TEMPAT YANG SELAMAT

IMBAS FAIL (SCAN MENGGUNAKAN ANTIVIRUS) YANG DITERIMA DARIPADA ORANG LAIN TERUTAMA SEKALI MELALUI INTERNET DAN PEMACU USB (PENDRIVE);

KUNCI SKRIN KOMPUTER ANDA APABILA TIDAK BERADA DI TEMPAT (TEKAN CTRL+ALT+ DEL)

LOG OFF ATAU SHUTDOWN KOMPUTER ANDA SEBELUM KELUAR DARI PEJABAT.



PENDOKUMENTASIAN DIGITAL PEMANGKIN

Seni Budaya NEGARA



Zuriah Binti Mohamad

Kehidupan manusia abad ke 21 banyak bergantung harap dengan kecanggihan teknologi alam maya yang juga dikenali sebagai internet. Perkembangannya yang luar biasa telah memainkan peranan penting dalam pelbagai sektor dan dimensi. Teknologi sebenarnya adalah satu alat bagi membantu dalam memudahkan kelangsungan kehidupan harian. Masyarakat yang rendah dan cetek pengetahuannya masa kini kerap kali ketinggalan di belakang. Teknologi dicipta dengan tujuan membantu dan meringankan aktiviti serta pekerjaan yang dijalankan seharian. Melaluinya juga pelbagai informasi dan maklumat dapat diperolehi dengan mudah. Manusia dan internet dapat di ibaratkan sebagai aur dengan tebing.

Penggunaannya secara sedar ataupun tidak akan melahirkan satu proses perkembangan dan pembangunan kepada pola kehidupan manusia. Berlakunya perkara ini melalui perisian seperti *Blog*, *Facebook*, *Twitter* dan *WhatsApp* khususnya telah membentuk dan melahirkan sekumpulan manusia dengan sendirinya. Disebabkan sifatnya yang mudah dan pantas dalam menyebarkan maklumat membuatkan ianya menjadi pilihan utama masa kini kepada masyarakat dalam menyebarkan sesuatu perkara seperti berkongsi hobi, minat, pekerjaan, pengiklanan dan lain-lain lagi.

Menyentuh perkembangan sistem internet dan multimedia dalam konteks dokumen ianya mempunyai hubung kait yang kuat dalam melestarikan hasrat kerajaan Malaysia bagi mencapai visi dan misi untuk mentransformasikan urus tadbir kerajaan selari di peringkat antarabangsa. Dokumen perlu dilihat dari sudut yang lebih mikro selepas kewujudannya yang dinamakan proses dokumentasi. Pendokumentasian ini perlu diberikan penekanan yang oleh jabatan ataupun agensi yang menguruskan hal ehwal seni dan budaya negara selaku pentadbir dan sebagai pusat rujukan seni budaya. Isi kandung dan intipati seni budaya yang dihasilkan perlu difikirkan bagaimana untuk didokumentasikan secara digital.

Seiring dengan perkembangan ilmu yang kini semakin meluas pendokumentasian bahan dan informasi, bidang seni dan budaya juga perlu diperkembangkan pendokumentasiannya dalam usaha melahirkan sebuah masyarakat yang kaya dan cinta seni dan budaya.

Pendokumentasian dilaksanakan secara digital melalui pengembangan pangkalan data bibliografi dan tajuk untuk memberikan satu kemudahan kepada umum dalam proses mengakses informasi tersebut. Sebagai contoh, apabila terlaksananya satu program pembangunan tentang

permainan tradisional seperti permainan gasing, ianya perlu dinilai untuk didokumentasikan dalam bentuk digital untuk disebar luaskan kepada peringkat antarabangsa khususnya. Selian itu, bahan seumpama ini perlu untuk dimasukkan dalam perpustakaan digital untuk mudah dicapai. Pendokumentasian digital seperti, penggunaan Adobe Acrobat 7 sebagai medium membentuk bahan dalam konteks digital untuk disimpan dan disebar luaskan kepada masyarakat dunia. Kaedah ini telah popular dalam kalangan agensi-agensi antarabangsa dalam memastikan sistem urus tadbir agensi lebih efisien.

Oleh yang demikian, menjadikan hasil produk seni budaya samada melalui program pembangunan mahupun pelaksanaan acara-acaranya sebagai sampel mampu mewujudkan dan merealisasikan satu 'Pendokumentasian Digital Pemangkin Seni Budaya Negara' sebagai inisiatif untuk memartabatkan serta memasarkan produk seni budaya negara ke peringkat global.

Dokumen merangkumi pelbagai bahan-bahan rujukan sama ada berbentuk buku, penulisan jurnal, foto pegun, majalah, keratan akhbar atau berbentuk rakaman berkaitan seni budaya yang disahkan informasi serta disimpan dalam bentuk dokumentasi digital. Ianya adalah satu medium dalam membentuk, membangun mahupun menjatuhkan sesebuah negara bangsa. Kepentingan dokumen ini dapat dikenalpasti secara jelas apabila ianya melalui

proses pendokumentasian. Dalam era zaman multimedia, dokumen juga telah melalui satu fasa transformasi, iaitu melalui sistem pendokumentasian secara digital termasuklah sistem perpustakaan digital. Namun begitu, perkara ini masih lagi dilihat secara tidak agresif oleh sesetengah pihak. Sehingga sukar untuk menemui dalam mana-mana kajian berbentuk ilmiah sebelum ini yang menilai pentingnya pendokumentasian digital produk seni budaya negara.

Seni budaya negara adalah satu khazanah menifestasi citra pelbagai bangsa di Malaysia yang berpotensi berkembang lebih mekar. Perkembangan melangkaui peringkat antarabangsa mampu dicapai dengan penekanan tentang pelaksanaan pendokumentasian secara digital ini.

Dengan kewujudan pendokumentasian digital ini, ianya dapat dijadikan rujukan akademik dalam membantu proses pemeliharaan serta pemuliharaan dan perkembangan seni warisan ini ke peringkat global. Permasalahan kekurangan pendokumentasian ini seharusnya dirungkai secara ilmiah dan saintifik, dibimbangi perkembangan seni budaya negara boleh terus mengalami era kejatuhan dan terus dipinggirkan umpama 'melukut di tepi gantang merempat di tanah sendiri'. Perkara ini menjadi satu kerugian yang besar kepada negara kerana seni budaya negara adalah satu medium yang mampu mendatangkan pulangan lumayan terutamanya sektor pelancongan.



PENGENALAN TARIAN TRADISIONAL:

Tarian Joget

JUMANINOR HANAFFI

LATARBELAKANG

Tarian Joget sangat digemari oleh masyarakat berbilang kaum di Malaysia kerana ia mudah dipraktikkan dan dipelajari. Tarian joget lambak (juga dikenali dengan "Chakunchak") menjadi acara bagi memeriahkan majlis-majlis perkahwinan dan keramaian terutamanya di Negeri Melaka. Tarian joget dipercayai berasal daripada tarian Kaum Portugis iaitu Branyo. Joget juga dikenali sebagai "ronggeng" asal daripada perkataan "wrong geng" kerana ditarikan secara berpasangan lelaki dan wanita.

CARA PERSEMBAHAN

Dalam tarian joget, gerak geri kaki lebih penting daripada gerakan tangan. Tarian joget ditarikan dalam satu kumpulan pergaulan yang terdiri daripada kalangan orang tua, muda, lelaki dan wanita secara berpasangan. Orang yang sedang menari dikatakan berjoget atau bertandak, sementara pengiring tarian dikatakan pencak joget. Dalam pesta-pesta keramaian, penari lelaki berjoget mempelawa atau menjemput penari wanita agar berjoget dengannya. Tetapi dalam persembahan joget di atas pentas terdapat 3 atau 4 pasangan penari joget dalam satu-satu persembahan.

BUSANA DAN TATARIAS

Pakaian penari joget lelaki ialah sepasang baju melayu lengkap dengan songkok dan sampin manakala pakaian wanita ialah kebaya labuh serta sanggul atau bunga di atas kepalanya. Warna-warna pakaian lelaki dan wanita biasanya seragam untuk menimbulkan keserasian dan kesenian tarian joget.

MUZIK

Tempo tarian joget yang sederhana ialah langkah $2/4$ dan langkah $4/4$ untuk pergerakan yang pantas. Joget diiringi lagu-lagu seperti Jingle Nona tetapi sekarang banyak lagu-lagu dihasilkan seperti Joget Serampang Laut, Joget Rentak 106, Johor Spot Club dan lain-lain.

Pergerakan Posisi Kaki: Lelaki & Wanita (Titik menapak (point flat))

Pergerakan Posisi Tangan: Lelaki & Wanita (Mendayung)



Peringatan:

- Tentukan posisi tangan bukan mendayung sampan.
- Tentukan tangan lelaki di paras bahu, wanita dikepit sedikit
- Tangan telengkep - Jari 'Genggam Tak Sudah'
- Pergerakan Tangan Mengepak + Mendayung
- Pegang Selendang = Menajak Sanggul + Sesiku Pinggang
- Menusuk Keris = Silang Cekak + Sesiku Pinggang
- Setempat = Mendayung + Titik/ Menapak
- Maju = Mendayung + Titik / Menapak
- Penjuru Alam = Mendayung + Titik Menapak


RAGAM TARIAN JOGET

Kunang - Kunang Mabuk, Pusing Setengah (Bulan Sabit), "S" (Akar Melingkar), Maju Undur (Ketam Kayu) dan 4 Penjuru (Penjuru Alam), Terancang setempat (Terancang Tunjuk), Terancang Lompat, Angkat kaki ke sisi kanan, Angkat kaki ke sisi kiri, Angkat kaki hadapan (Langkah Gantung).
Genggam Jari: Genggam tak sudah.

(Tangan digenggam sedikit sambil hujung ibu jari diletakkan di atas garisan kedua jari telunjuk).



buka kaki kanan ke sisi, pusingkan badan ke arah kanan dan buka kaki kiri ke sisi, silang kaki kanan di belakang kaki kiri, buka kaki kiri, letakkan kaki kanan pusingkan badan menghadap ke belakang dan rapatkan kedua-dua kaki.



BULAN SABIT (PUSING TENGAH)

Pusing badan melalui kanan separuh bulatan 90° dan menghadap ke belakang sambil posisi kaki kanan titik manakala posisi tangan kanan telengkup dan posisi kaki kiri menapak, posisi tangan kiri menadah.



Pusing badan melalui kanan separuh bulatan 90° dan menghadap ke depan sambil posisi kaki kanan titik manakala posisi tangan kanan telengkup dan posisi kaki kiri menapak, posisi tangan kiri menadah. Kaki kanan titik manakala posisi tangan kanan telengkup dan posisi kaki kiri menapak, posisi tangan kiri menadah.



KUNANG-KUNANG MABUK (LELAKI)



Ibu jari tangan kiri diletakkan di pinggang ketiak dibuka 45° dan siku menghadap keluar. Tangan kanan menggenggam pergelangan tangan kiri seolah-olah sedang menusuk keris.



Posisi badan menghala ke kiri. Muka menoleh ke kanan manakala mata memandang ke arah bahu kanan.

Langkah kaki kanan, silang kaki kiri di belakang kaki kanan sambil lutut dibengkokkan sedikit,

AKAR MELINGKAR

Membuat pergerakan huruf 'S'

Langkah titik kaki kanan menapak kaki kiri dan membuat separuh bulatan dalam kiraan 1x 4 ke arah kanan.




Langkah titik kaki kanan menapak kaki kiri dan membuat separuh bulatan dalam kiraan 1x 4 ke arah kiri kiraan yang keempat menghadap ke belakang.




KETAM KAYU (MAJU, UNDIR)

Ibu jari tangan kiri diletakkan di pinggang ketiak dibuka 45° dan siku menghadap keluar. Tangan kanan memegang pergelangan tangan kiri seolah-olah sedang menusuk keris. Langkah titik kaki kanan menapak kaki kiri dan undur ke belakang dalam 1x2.




LANGKAH GANTUNG

Maju ke arah kanan 45° sambil angkat kaki kanan dan kiri dengan gerakan maju dan undur. Ulang gerak yang sama di sebelah kiri.



EMPAT PENJURU ALAM

Langkah titik menapak empat penjuru dimulai dengan titik kaki kanan kaki kiri menapak pusing arah kanan



KUNANG-KUNANG MABUK (WANITA)



Pegang Selendang



Menajak Sanggul



Sesiku Pinggang

TERANCANG SETEMPAT

Keluarkan Kaki kanan ke arah 45° kemudian silangkan kaki kanan di hadapan kaki kiri dalam kiraan 7 x 4 seperti dalam rajah. Hujung jari kaki cecah lantai.



SESIKU PINGGANG

Pergelangan tangan kanan dibengkokkan dan diletakkan di pinggang sambil jari dibuka sedikit. Ketiak dibuka 45° dan siku menghadap ke sisi.

TERANCANG LOMPAT

Keluarkan Kaki kanan ke arah 45° kemudian silangkan kaki kanan dalam posisi gantung dihadapan kaki kiri dalam kiraan 7 x 4 seperti dalam rajah secara melompat di tempat.



MENAJAK SANGGUL



Tiga hujung jari tangan kanan menyentuh bahu bahu kanan. Kedudukan ketiak 45°.

Langkah kaki kanan, silang kaki kiri di belakang kaki kanan sambil lutut dibengkokkan sedikit, buka kaki kanan ke sisi, pusingkan badan ke arah kanan dan buka kaki kiri ke sisi, silang kaki kanan di belakang kaki kiri, buka kaki kiri, letakkan kaki kanan pusingkan badan menghadap ke belakang dan rapatkan kedua-dua kaki.

BULAN SABIT

Pusing badan melalui kanan separuh bulatan 90° dan menghadap ke depan sambil posisi kaki kanan titik manakala posisi tangan kanan telengkup dan posisi kaki kiri menapak, posisi tangan kiri menadah

Pusing badan melalui kanan separuh bulatan 90° dan menghadap ke belakang sambil posisi kaki kanan titik manakala posisi tangan kanan telengkup dan posisi kaki kiri menapak, posisi tangan kiri menadah



AKAR MELINGKAR

Membuat pergerakan huruf 'S'

Langkah titik kaki kanan menapak kaki kiri dan membuat separuh bulatan dalam kiraan 1x4 ke arah kanan.




Langkah titik kaki kanan menapak kaki kiri dan membuat separuh bulatan dalam kiraan 1x4 ke arah kiri kiraan yang keempat menghadap ke belakang.



KETAM KAYU (MAJU, UNDIR)


Langkah titik kaki kanan menapak kaki kiri dan maju ke hadapan dalam kiraan 1x2.

Langkah titik kaki kanan menapak kaki kiri dan undur ke belakang dalam kiraan 1x2




EMPAT PENJURU ALAM

Langkah titik menapak empat penjuru dimulakan dengan titik kaki kanan kaki kiri menapak pusing arah kanan



TERANCANG SETEMPAT

Posisi tangan Pegang Selendang. Keluarkan kaki kanan ke arah 450 kemudian silangkan kaki kanan dihadapan kaki kiri dalam kiraan 1 x 4 seperti dalam rajah. Hujung jari kaki cecah lantai.




TERANCANG LOMPAT

Posisi tangan Pegang Selendang. Keluarkan kaki kanan ke arah 450 kemudian silangkan kaki kanan dalam posisi gantung di hadapan kaki kiri dalam kiraan 1x4 seperti dalam rajah secara melompat di tempat.



LANGKAH GANTUNG

Kedua belah tangan cubit peha. Menghadap ke arah kanan 450 sambil angkat kaki kanan dan kiri dengan gerakan maju dan undur. Ulang gerak yang sama di sebelah kiri.





KEKANGAN TEKNOLOGI

m e m p e n g a r u h i

GAYA HIDUP
Manusia



Siti Zaidah Binti Puteh

Gelombang teknologi dalam generasi kini menjadikannya sebagai satu medium yang wajib dikuasai dan mengikat kehidupan masyarakat dengan penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian yang membantu serta mempermudah segala urusan agar menjadi lebih efisien dan efektif. Namun kealpaan masyarakat dalam menepis tsunami negatif teknologi menjadikan segelintir manusia mulai lena dengan fitrah kehidupan.

Perkembangan teknologi memberikan pengaruh yang besar dalam pelbagai aspek seperti gaya hidup, pendidikan, budaya, sosial, ekonomi, dan lain-lain lagi. Jika dilihat dari aspek kehidupan seharian, teknologi semakin berjaya menguasai sepenuhnya kehidupan masyarakat. Contohnya, telefon bimbit adalah objek yang wajib dimiliki kerana kebergantungan komunikasi sesama manusia adalah pada telefon bimbit.

Kekerapan penggunaan dan kecanggihan telefon bimbit menjadikan hubungan fizikal di antara individu semakin renggang. Sebagai contoh, 'hubungan anak dan ibu bapa menjadi semakin renggang akibat kelekaan sesetengah ibu bapa yang lebih memberi tumpuan kepada telefon bimbit berbanding anak-anak'. Hal ini boleh menjejaskan tumbesaran anak-anak kerana perhatian ibu bapa yang diraih tidak menjadi milik mereka yang sedikit demi sedikit menjadi faktor berlakunya pemberontakan dalam diri anak-anak.

Begitu juga dengan bidang pendidikan yang turut merasa tempias perubahannya dari hari demi hari. Konteks gaya pendidikan di Malaysia mulai berubah seiring dengan pembangunan teknologi. Malaysia mula mengorak langkah seiring dengan negara lain sebagai salah satu usaha mengubah corak pendidikan dan menjadikan dunia pendidikan sebagai satu medium yang terunggul. Penggunaan teknologi yang turut mengubah gaya dalam bidang pendidikan telah mewujudkan penggunaan E-book, kuiz dan kelas atas talian. Penggunaan E-book menyebabkan penggunaan buku teks secara manual sedikit demi sedikit terhapus. Perkara ini menyumbang ke arah permasalahan ekonomi di bidang percetakan.

Selain itu, turut terdapat penyalahgunaan teknologi maklumat khususnya 'internet' dalam bidang pendidikan di kalangan pelajar-pelajar. Inisiatif kerajaan dalam memberi kebenaran kepada pelajar membawa telefon bimbit ke sekolah disalahgunakan ke arah negatif dengan membuka laman-laman sosial semasa tempoh pembelajaran yang pastinya mengakibatkan pelajar kehilangan fokus.

Dipandang dalam aspek adat dan budaya pula, penggunaan teknologi banyak mengubah adat dan budaya kita. Perkembangan teknologi amnya teknologi internet telah memperlihatkan kesan yang buruk terhadap pekekalan adat dan budaya khususnya dalam jiwa anak muda. Majoriti generasi kini sudah tidak lagi mengenali permainan tradisional yang menjadi warisan turun temurun nenek moyang kita malah lebih mengenali permainan cyber yang kini menjadi semakin viral di kalangan generasi muda.

Jika ditanya, hanya segelintir sahaja generasi muda yang mahir bermain permainan tradisional seperti batu serembam, silambam, tengteng, kurik kundi, sepak raga dan sebagainya. Mereka lebih memberi perhatian dan meneroka permainan cyber dari akar umbinya sehingga alpa dalam mengenali adat dan budaya sendiri.

Rentetan tsunami teknologi, Adat sesama manusia kini semakin terhakis. Penyebaran video-video yang tidak sepatutnya di laman sosial kini sudah tidak menjadi satu kerahsiaan, dan menjadi trend masyarakat kini, konsep menjaga air muka antara satu sama lain bukan satu perkara yang perlu dititik beratkan.

Sebagai manusia yang mempunyai fitrahnya yang tersendiri, kita haruslah pandai membawa diri dalam perjalanan era modenisasi kini. Usah kerana mendapat yang baru kita melupakan yang lama. Seeloknya, yang baru kita kutip yang lama kita gilap dan jaga dengan elok. Selayaknya, kita menjadikan kecanggihan teknologi kini sebagai satu batu loncatan untuk lebih mengukuhkan bulatan kehidupan kita. Jangan sesekali kita menjadi seperti kerbau dicucuk hidung, hanya mengikut sahaja kemajuan dan kecanggihan teknologi tanpa menjaga konteks gaya hidup kita.

DOKUMENTASI & PENERBITAN MENJADI *Legasi* PENYAMBUNG SENI BUDAYA



Zuriah Mohamad

Sinonimnya dokumentasi adalah berkait dengan urusan pencarian, pengumpulan, penelitian serta pengolahan sesebuah dokumen untuk menjadikannya lebih berkualiti dan berilmiah. Proses pelaksanaan ini memerlukan ketekunan dan kesungguhan kepada individu yang bertanggungjawab bagi memastikan sesebuah dokumen itu memiliki unsur-unsur keilmuan yang tinggi. Unsur keilmuan yang seharusnya dimiliki individu dalam menerbitkan sesebuah dokumen sebenarnya itulah yang merupakan penyumbang dalam pembentukan generasi bangsa Malaysia yang lebih efektif dan pro-aktif melalui konteks keilmuan di masa hadapan. Hal ini kerana, kualiti sesebuah dokumen yang diterbitkan haruslah berkualiti untuk dijadikan sebagai bahan rujukan khususnya dalam bidang akademik, seni dan budaya.

Pelbagai peringkat majoritinya kurang menyedari tentang kepentingan elemen dokumentasi dan penerbitan dalam sesebuah organisasi. Terkadang ada yang alpa, tidak sensitif dan tidak menyedari kepentingan dan peranannya. Justeru, tiada langsung penekanan diberikan untuk elemen dokumentasi dan penerbitan sebagai salah satu inisiatif dalam melahir dan mendokumenkan hasil-hasil karya yang mampu meninggalkan perkara positif kepada kelangsungan legasi hadapan. Dokumentasi dan Penerbitan tidak seharusnya diketepikan dalam sesebuah organisasi kerana ianya tidak sedikit pun akan menggugat proses pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi malah akan menjadi harta dalam aspek keilmuan yang akan diwarisi oleh generasi selanjutnya.

Merealisasikan hasrat untuk melahirkan hasil karya melalui dokumen yang berkualiti serta memiliki unsur keilmuan yang tinggi memerlukan penyelidikan yang teliti. Penyelidikan adalah tunjang dalam melahirkan satu dokumen yang berpotensi bagi mengangkat sesebuah sub bidang yang berkenaan. Justeru jika penyelidikan diberi keutamaan dalam sebuah organisasi, pastinya mampu mengangkat organisasi tersebut sebagai sebuah organisasi yang berpotensi berada pada satu tahap yang lebih tinggi. Merujuk kepada kenyataan ini, penghasilan artikel ataupun jurnal juga memerlukan penelitian serta penyelidikan yang mendalam untuk melahirkan satu karya yang

berkemampuan menjadi pemangkin kepada pembentukan generasi yang lebih cemerlang di masa hadapan.

Kajian dan penyelidikan terdahulu tentang pendokumentasian dan penerbitan dalam bidang lain telah banyak dijalankan, namun didapati kajian dan penyelidikan ini lebih menyentuh tentang elemen lain tidak termasuk seni dan budaya secara umum mahupun khusus. Hasil dari penelitian ini, satu kajian tentang pendokumentasian seni budaya negara seharusnya dilaksanakan bagi mengisi kelompongan dan ketiadaan bahan-bahan kajian ilmiah seni budaya. Kelompongan ini perlu diisi dalam melahirkan kepelbagaian serta menjadi rujukan kepada organisasi untuk meningkatkan lagi prestasi urus tadbir organisasi.

Berorientasikan kepada penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan yang berbentuk komprehensif, jelas dilihat ianya menjurus kepada beberapa objektif yang bertujuan untuk menjadikan hasil dapatan tersebut kekal sebagai rujukan semua pihak dan generasi pada masa hadapan. Namun segalanya berorientasikan objektif seperti:

- a. Mengenal pasti produk-produk seni budaya negara yang berpotensi untuk diangkat bagi didokumentasi dan diterbitkan.
- b. Mengenal pasti dan menilai bahan dokumentasi tersebut agar boleh didigitalkan sekaligus mengangkat sistem digital dokumentasi sebagai medium penyebar luas maklumat dan secara tidak langsung memasarkan produk seni budaya negara ke peringkat antarabangsa.
- c. Menganalisa fungsi dan peranan yang mampu dimainkan oleh pendokumentasian dan penerbitan seni budaya kepada pulangan kepada sektor pelancongan negara khususnya.

Seharusnya perlu dilihat juga tentang perkembangan teknologi digital dan multimedia yang dijadikan sebagai peluang yang perlu direbut oleh sektor dokumentasi dan penerbitan. Peluang yang terhidang ini jika diteliti dan diaplikasikan secara betul mampu untuk mengangkat organisasi yang berkaitan berada lebih ke hadapan. Selain itu, bahan-bahan ilmiah berkualiti tinggi yang diterbitkan mampu dicapai dengan lebih mudah oleh masyarakat tempatan mahupun luar negara. Penyebaran maklumat keilmuan

ini berpotensi menjadi sebagai penyumbang dalam pembentukan generasi bangsa yang lebih berkualiti dari sudut corak dan gaya pemikiran. Harus disematkan dalam pemikiran, sektor dokumentasi dan penerbitan adalah tunjang serta tulang belakang dalam memastikan visi dan misi sesebuah organisasi mencapai tahap yang memberangsangkan. Akhir sekali, aktiviti dokumentasi dan penerbitan masa kini adalah penentu corak pemikiran serta kehidupan legasi seni budaya di masa hadapan.



Jom kongsi sedikit peribahasa yang berkaitan dengan haiwan tetapi yang jarang didengar. Sebenarnya masih banyak peribahasa melayu yang menggunakan haiwan sebagai objek.

Bagai kucing dibawakan lidi.

Maksud : **Berlari kerana ketakutan.**

Seperti katak disimbah air.

Maksud : **Seseorang yang tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan.**

Ular menyusur akar, takkan hilang bisanya.

Maksud : **Orang besar yang merendahkan diri tidak akan jatuh martabatnya.**

Adat gajah terdorong.

Maksud : **Orang yang berkuasa sering menyalah gunakan kuasanya.**

Akal labah-labah, di gua buruk suka merakut.

Maksud : **Orang jahat yang suka menipu orang.**

Air keruh, ikan limbat keluar.

Maksud : **Apabila berlaku keadaan kacau bilau atau huru-hara, orang jahat akan mencari untung.**

Alim bagai katak di tepi air.

Maksud : **Mempunyai banya ilmu tetapi ilmu itu tidak mendatangkan faedah kepada dirinya.**

Anak kuda bulu kasap.

Maksud : **Anak muda yang tidak tahu susah.**

Asal terbang burunglah, asal insang ikanlah.

Maksud : **Tidak memilih-milih.**

Awak tikus, hendak menampar kepala kucing.

Maksud : **Ingin melakukan sesuatu tapi tidak berdaya.**

**Peribahasa
berkaitan HAIWAN
yang JARANG didengar**



SUDUT KREATIF: PUISI

P.S.P : Perjalanan Suatu Pengalaman

Hari ini aku merasai terharu...
Hari ini aku berasa sebak...
Hari ini aku merasai ketakutan...
Hari ini aku berasa sedih...

Selangkah kaki ku menjejaki Nya,
Selangkah lagi aku memberhentikan Nya...
Sekilas aku memandangi Nya,
Sekilas lagi aku termenung...

Berpuluh Pengawal harus aku lalui,
Tujuh lapisan pintu harus aku tempuhi,
Pagar yang tinggi harus aku hadapi,
Tiba juga lokasi yang aku bersendirian...

Terkeduk seketika melihat bangsaku...
Tersentak sesaat melihat agamaku...
Terdetik seminit di fikiranku...
Terkejut selamanya pertama kali di situ...

Buat golongan bergelar 'Banduan', ingatlah...
Jangan dikenang perkara yang lalu,
Jangan difikir siapa bersalah,
Sesungguhnya.. Janji Allah itu pasti,
Hidup dan mati suratan yang tercatat.

Nukilan Sajak :

Sir Naim Azmi

18 Mei 2017

Bersempena bertugas Tahun ke-2
di Sek. Integriti, Penjara Kajang



"Awak"

Awak...

*Seawal dahulu awak seorang diri,
Seawal dahulu awak selalu termenung,
Seawal dahulu awak selalu bermain...*

Awak...

*Sekarang awak ada saya,
Sekarang awak gembira,
Sekarang awak tidak sendirian...*

Awak...

*Cinta pada saya suatu ibadah,
Cinta pada ibu bapa sepanjang hayat,
Cinta pada Allah kekal abadi...*

Awak...

*Kekuatan awak keserasian saya,
Kekuasaan awak kepekaan saya,
Ketabahan awak kesatuan saya...*

Awak...

*Andai tiba masa Nya nanti,
awak perlu bersendiri...
Andai tiba masa Nya nanti,
awak perlu berdikari...
Andai tiba masa Nya nanti,
Doakan saya bahagia di sana.*

Nukilan Sajak :
Sir Na'im Azmi
18 Mei 2017

(Bersempena hari ibu 2017, buat isteri Ku
NOOR SHAHIRA BINTI BURHAN)

Setiap negeri di Malaysia mempunyai

Keunikan Budayanya yang Tersendiri.

Keunikan dan kecantikan budayanya ini menjadi tarikan pelancong melancong ke negara Malaysia.

Majoriti budaya di negeri Johor telah dipengaruhi dari Negara Arab dan kepulauan-kepulauan Melayu budaya Jawa dan juga budaya Sumatera. Negeri Johor mempunyai masakan tradisi yang pelbagai dan menyelerakan. Makanan tradisi ini dapat menarik kehadiran pelancong untuk mengunjungi permata jauhar ini.

Hidangan tradisi yang menjadi lambang negeri Johor adalah seperti:

LONTONG JAWA

Berbentuk ketupat yang dipotong 4 segi dicampur dengan sayuran bersama santan. Lotong Jawa ini dikatakan berasal dari masyarakat Jawa tengah dipanggil "Tepo" boleh dikatakan sama macam nasi impit biasa. Tetapi Lontong Jawa pula dibungkus dengan menggunakan daun pisang, bagi membangkitkan rasa dan aroma bau daun yang berlainan dari lontong biasa. Lontong Jawa enak dimakan bersama Sayur Lodeh ataupun dinamakan sebagai Kuah Masak lodeh.



OTAK-OTAK JOHOR

Otak-otak adalah sejenis makanan tradisional yang terdapat di perkampungan nelayan. Kebiasaannya dimakan sebagai makanan ringan di waktu petang. Merupakan campuran isi ikan dengan santan kelapa. Digaul dengan lada, bawang, halia, udang kering dan bahannya yang dibungkus dengan daun pisang atau kelapa dan dibakar ataupun dikukus. Ikan tilapia merah, patin dan keli merupakan ikan air tawar yang sesuai untuk dibuat otak-otak.



Eezmadyna Azalin Nordin

MAKANAN TRADISI

Permata Jauhar



LAKSA JOHOR

Laksa Johor merupakan makanan yang berasal dari Johor. Ianya berbeza dari laksa penang kerana menggunakan santan pada kuahnya.



MEE REBUS JOHOR

Makanan tradisi di Johor yang terkandung mee yang dicelur dan dihidangkan bersama kuahnya tersendiri, telur rebus dan bahan sampingan.



MEE BANDUNG

Masakan yang berasal dari negeri Johor dan amat terkenal di Muar. Perkataan 'bandung' tidak berasal dari Bandung, Indonesia tetapi membawa maksud pelbagai bahan-bahan yang disatukan dari pelbagai rencah.



ARISA

Makanan unik yang jarang-jarang ditemui sekali pada hari biasa di Johor. Ianya biasa di hidangkan ketika majlis-majlis rasmi bagi golongan elit.



NASI BERIYANI GAM

Masakan ini terkenal di daerah Batu Pahat. Nasi Beriyani Gam juga dikenali sebagai Nasi Beriyani Dam atau Dum. Nama Beriyani berasal daripada perkataan beryan yang bermaksud goreng dan panggang. Nasi Beriyani dimasak dengan ketulan daging yang diperap semalaman bersama beras. Sejarah awal resepi ini melalui Kesultanan Melayu Johor-Linggi, rakyat Johor memperbaharui resepi ini ke selera Melayu dan terjadilah Nasi Beriyani Gam ini. Makanan ini dipengaruhi oleh masakan orang India. Terdapat kisah seorang India Muslim yang telah memperkenalkan masakan ini dan akhirnya menjadi makanan tradisional negeri ini pada awal 1900 M.

TELUR PINDANG

Dikenali di majlis-majlis perkahwinan. Telur pindang ini adalah telur ayam yang di rebus selama beberapa jam bersama-sama rempah dan daun-daun.



BURASAK

Sejenis makanan orang-orang bugis. Beras yang di bungkus dengan menggunakan daun pisang muda dan di masak bersama santan. Burasak ini boleh di dapati pada hari perayaan sama ada hari raya puasa atau hari raya korban.

ASAM PEDAS

Masakan Asam pedas amat terkenal di Batu Pahat dengan kesedapan asam pedasnya yang menggunakan ikan merah, ikan siakap, ikan pari atau ikan sembilang.



Sumber rujukan dari laman sesawang, bogspot.com, dan internet.





Ganu vs Kelate

ZUBARIAH ABDULLAH

Sebut sahaja Terengganu atau Ganu, pasti difikiran tergambar keindahan pantai, keenakan keropok lekor dan nasi dagang menerjah di fikiran. Kalau sebut Kelantan atau Kelate pula pasti keenakan nasi kerabu dan kepelbagaian kuih muih yang menjadi destinasi pilihan pencinta makanan yang manis-manis. Kedua-duanya mempunyai kelebihan dan keunikan tersendiri yang sentiasa menjadi tarikan masyarakat luar ke pantai timur.

Bukan soal keenakan makanan atau keindahan alam semulajadi yang menjadi topik tumpuan, sebaliknya keunikan dialek seharian yang ingin disingkap bagi mendalami budaya Pantai Timur yang kadang-kadang diri sendiri keliru. Sama tapi tak serupa meskipun dilahir dan dibesarkan di Pantai Timur, terdapat juga kekeliruan pemahaman kerana dialek dua negeri ini turut berbeza dek faktor geografi, politik, perdagangan dan sebagainya. Geografi penempatan atau persempadanan negeri sedikit sebanyak mempengaruhi dialek yang digunakan. Contohnya masyarakat Terengganu di Daerah Besut banyak dipengaruhi oleh dialek Kelantan berbanding dialek Terengganu sendiri.

Sebagai anak jati Terengganu, memahami dialek Kelate tidak begitu sukar, namun timbul jua kekeliruan apabila sesetengahnya perkataan atau istilahnya mempunyai sebutan yang berbeza dan maksud yang berbeza. Ada juga yang mempunyai sebutan hampir sama tetapi maksudnya pula berbeza.

Sebut sahaja Terengganu atau Ganu, pasti difikiran tergambar keindahan pantai, keenakan keropok lekor dan nasi dagang menerjah di fikiran. Kalau sebut Kelantan atau Kelate pula pasti keenakan nasi kerabu dan kepelbagaian kuih muih yang menjadi destinasi pilihan pencinta makanan yang manis-manis. Kedua-duanya mempunyai kelebihan dan keunikan tersendiri yang sentiasa menjadi tarikan masyarakat luar ke pantai timur.



Bukan soal keenakan makanan atau keindahan alam semulajadi yang menjadi topik tumpuan, sebaliknya keunikan dialek seharian yang ingin disingkap bagi mendalami budaya Pantai Timur yang kadang-kadang diri sendiri keliru. Sama tapi tak serupa meskipun dilahir dan dibesarkan di Pantai Timur, terdapat juga kekeliruan pemahaman kerana dialek dua negeri ini turut berbeza dek faktor geografi, politik, perdagangan dan sebagainya. Geografi penempatan atau persempadanan negeri sedikit sebanyak mempengaruhi dialek yang digunakan. Contohnya masyarakat Terengganu di Daerah Besut banyak dipengaruhi oleh dialek Kelantan berbanding dialek Terengganu sendiri.

Sebagai anak jati Terengganu, memahami dialek Kelate tidak begitu sukar, namun timbul jua kekeliruan apabila sesetengahnya perkataan atau istilahnya mempunyai sebutan yang berbeza dan maksud yang berbeza. Ada juga yang mempunyai sebutan hampir sama tetapi maksudnya pula berbeza.

Dialek Terengganu

Buah Pelang
Natang
Jalang
Se
Betul
Tanang
Manih Leting
Thine
Baguh
Majleh
Cicang
Bahang
Ngegak
Nneleh
Nganjing
Ripong
Ngelok
Khabak
Rohok

Dialek Kelantan

Buah Pauh
Nate
Deghak
So
Jolo
Tane
Manih Leting
Thino
Jughuh
Bekwoh
Cice
Katok
Cace
Dene
Nganyi
Ipo
Ngelik
Rhukak
Ghohok

Bahasa Melayu

Buah Mempelam
Binatang
Bersiar-siar
Satu
Betul
Tanam
Sangat Manis
Betina (Perempuan)
Baik
Kenduri / Majlis
Cincang
Pukul
Berdiri Tegak
Meneleh
Menyindir
Kumpul
Mengelak
Memanjat
Susoh

Sepanjang tempoh mengajukan pertuturan dan mengenali dialek negeri Terengganu dan Kelantan, timbul perasaan seronok dan berbangga kerana masing-masing negeri mempunyai dialek masing-masing yang bukan sekadar untuk diwarisi sebagai bahasa komunikasi malah menjadi jati diri dan simbol identiti sesebuah negeri.

KAMUS DIALEK KELATE!

Acu Tra Teh - Cuba
Abe-Abang
Apo-Apa
Apung - Apam Balik
Agah - Berlagak
Ambak - Kejar
Ambo - Saya
Alik - Sebelah

Baju Gumbea - Baju Melayu
Bakpo - Kenapa
Bangat - Cepat (Kata Perintah)
Bbera - Berpecah
Bbobok - Meracau
Bbol - Mentol
Beca - Silau
Behe - Pukul Dari Sisi
Bejebok - Limpah
Bekeng - Garang
Bekwoh - Kenduri
Berat - Teruk
Bidah - Lastik
Bim - Tidur/Baring Bagi Bayi
Blana Kokna - Sangat Banyak

Bledo - Agar-Agar
Bo Laa - Sudah La
Bocong - Botol Air
Bokbong - Baabon
Boktea - Dibuat Oleh
Bolok - Seলেখ
Brona - Bermasalah
Buoh Lanah - Nenas
Buoh Sawo Nilo - Ciku
Buoh Ttarea - Jagus
Busuk Banga - Sangat Busuk

Celeng - Tabung Syiling

Dale Duo Lagi - Tak Pasti Lagi
Dekkok - Main Teng-Teng
Demo - Kamu/Awak
Denu - Di Sana
Do..Oh - Melampau
Dok Alik Mano? - Berada Di Mana?
Dok Chongkok - Duduk Bersila
Dok Ttinggung - Bertinggung

Etek - Juga

Gaduh - Terburu-Buru
Gaha - Berus
Gamok - Agak
Gedebe/Ddebe - Samseng
Gegea Glegok - Bising Sangat
Gewe - Awak
Ggaji - Gergaji
Ggilo - Minat
Ggocoh - Gaduh
Gguling Bating - Berguling-Guling

Ghanggoh - Makan
Ghekngge Nnapung - Sangat Ringan
Ghoyak - Beritahu
Glecoh - Terseliuh
Glenya - Mengada-Ada
Glepar - Menggelepar
Glewak - Menyibuk
Gligo - Permata
Godio - Apa Dia
Golok - Parang
Gongok - Gigi Rosak
Gonyoh - Berus
Ggorek - Pengasah Pensel
Gu - Kawan
Guano - Bagaimana;Tanya Keadaan
Gumbo Air - Sedut Air

Hite Legea - Terlalu Hitam
Hoo - Ya
Huduh Sepa - Sangat Hodoh

Igak - Tangkap
Jah - Saja
Jambe - Tandas
Jangok - Melaram
Jauh Jelak - Sangat Jauh
Jebek - Masam Muka
Jenero - Tertidur
Jjerik - Menangis
Jjolo - Terjulusur
Jok - Seajak
Jjujuk - Tersusun Panjang
Jo..Ong - Mendung

Kaba-Kaba - Sedar-Sedar/Tiba-Tiba
Kain Klubung - Kain Tudung
Kain Smaye - Kain Telekung
Kaing Sehe - Kain Basahan
Kala - Pensel
Katok - Puku Dari Atas
Kawe - Saya
Kecek - Bercakap
Keheak - Ludah
Kerek - Perigi
Keghah Kekong-Keras Yg Teramat
Koho/Selo - Perlahan/Slow
Kekoh - Gigit
Kelik - Balik
Khepok Gote - Keropok Lekor
Khetah - Kertas
Kheto - Kereta
Khiput - Berkedut
Khobek - Selongkar
Khusi - Kerusi
Kito - Saya(Kata Ganti Nama Bg Orang Muda Terhadap Org Tua)
Kkacik - Sangat Rapat
Kkesok - Terkalih
Kkubey - Berselerak
Kokok - Sodok
Kokse Kokdea - Kucar Kacir
Kona - Membelok

Koya/Agas - Perasaan
Kube - Terabur

Lagu Mano - Bagaimana
Lembik - Lemah
Loghat - Nak Cepat
Lokpak Tikea - Nama Sejenis Makanan
Lok - Biarkan
Lugar - Loya
Liyk - Elak
Main Ceklat - Main Helah
Male (Malae) - Malam
Mase Purik - Terlalu Masin
Masin Perak - Terlalu Masin
Meroh Merea - Merah Darah
Metoo - Degil
Mmakoh - Berhujah
Mmapuh - Kenakan
Mmecok - Merajuk
Mmeteak - Kacau; Ganggu
Mmolek - Buat Elok-Elok
Mmunoh - Buat Kerosakan
Mmutar Itik - Mencari Sesuatu
Dengan Gelabah
Moktea - Rambutan
Monggek - Bonceng
Mugo - Panggilan Utk Sesuatu
Yg Tidak Diketahui Namanya
Mung - Engkau

Nah - Menyatakan Banyak
Namo Rima? - Apa Dia Tu?
Ndow - Buaian
Ngaji - Belajar
Ngaju - Merajuk
Ngakok - Merangkak
Ngala - Mewarnakan
Nganying - Mempersenda
Ngejah - Negotiate
Ngekkoh - Akikah
Ngepek - Berleter
Nguraa - Conteng
Nnakak - Tertarik Perhatian
Nnarak Kow - Berlebih-Lebihan
Nnawok - Menipu
Nnebah - Menebas
Nnepik - Menjerit
Nnerak - Meniarap
Nnetea - Melentang
Nneting - Melantun
Nnise - Gula Melaka
Nnoney - Bergayut
Nnonye - Mencebik Muka
Nokpak - Melompat
Nukih - Melukis

Ook-Aloh - Menyatakan Keluhan
Otokk - Tertekan

Pahit Llepea - Sangat Pahit
Panje Jolo - Panjang Sangat
Parowk - Teruk

Patak-Bawah
Penar-Silau
Pe..Ea – Perangai
Pekdoh – Faedah
Pekong - Baling
Peseng – Style
Peti Sejuk - Peti Ais
Pitih-Duit/Wang
Pleting - Straw
Pparowk –
Pok Daro Nitas-Polis Di Depan
Pok Daro-Pakcik
Ppena - Silau
Ppioh Kopiah
Puah Ea Lokk – Bosan
Punoh – Rosak
Putih Sepow – Sangat Putih
Putihstar – Purple
Putik Lingo – Pengorek Telinga
Relaa – Tercerai
Roba- Pemadam
Rrobok – Almari
Rukah – Panjang

Sedho – Kurang Baik
Segho - Terasa
Segowk – Menanduk
Sek – Geng;Kumpulan
Selok – Pengsan
Seney Mesek – Sangat Senang
Senyap Ttipah – Terlalu Senyap
Sero – Rase, Agak2
Siga – Tangga

Singo Beng - Air Limau Air
Smeta – Sekejap
Skali Arung – Sekaligus
Sejuk Ketta – Sangat Sejuk
Smuta – Kain Serban
Srebea – Kebas
Ssakok - Tersangkut
Ssaloh Kaki – Terseliuh Kaki
Ssekong - Kaku
Ssikal – Basikal
Ssiko – Penyodok
Ssoyok – Terkoyak
Stambung - Bertimbun
Sugho - Bubur Asyura
Suko Selok - Ketawa Terbahak-
Bahak
Sungguh – Kata Penguat Bagi
Sifat: Comel Sungguh
Siak Dok Ggobar - Jangan Risau
Saksoba - Absorber

Tape – Rakan Suara
Tawar Hebea – Sangat Tawar
Temo..O – Nak Sangat
Tino Lawa-Wanita Cantik
Timu Cino – Tembikai
Tohor - Cetek
Tohouk – Buang
Tok Bbutir- Tak Jelas
Tok Cekak – Tak Larat
Tok Kaba - Tak Sedar
Toksoh - Jangan / Tak Usah
Trelak – Tidur Sekejap

Triok – Nangis
Ttala - Tertangguh
Ttbolah – Tidak Berhati-Hati
Ttebeng – Ambil Risiko Cuai,
Memalukan
Tteke – Tertekan
Ttumbok – Bertumbok
Ttuyup – Pepatan
Tok Cakno - Tak Hirau
Tepoh – Langgar
Tubik - Keluar
Taik Aye Munea - Tahi Ayam Yang
Masih Hangat

Ubi Stelo - Ubi Keledek

Vi-Bagi

Wak Gapo-Buat Apa

Woh Nyo-Buah Kelapa

Yak Boter-Ye La Tu

Zame-Zaman



PERNAHKAH ANDA TERFIKIR penggunaan otak yang manakah lebih **DOMINAN?** OTAK KANAN ATAU OTAK KIRI?



 NOOR ATIQA ZULKEPLI

OTAK KANAN VS OTAK KIRI

Kita telah didedahkan dengan konsep bahawa otak kiri mewakili pemikiran berbentuk logik, analitik dan rasional manakala otak kanan mewakili pemikiran yang berkaitan dengan hal-hal artistik dan kreativiti. Menurut Bobbi De Porter & Mike Hernacki penulis buku *Quantum Learning: Unleashing the Genius in You*, otak kiri mengawal proses pembelajaran bahasa, matematik, pemikiran logik, analitik, linear dan hafalan. Manakala otak kanan mengawal aktiviti kreatif, irama, rima, muzik, visual, warna, gambar serta pemikiran metaforikal yang boleh menggambarkan analogi dan metafora, corak serta pola. Perkara ini hangat diperdebatkan di kalangan para saintis bahawa penggunaan otak kanan atau otak kiri mampu mempengaruhi perwatakan seseorang. Adakah ini benar?

Secara amnya, otak manusia terbahagi kepada dua hemisfera, iaitu hemisfera kanan dan hemisfera kiri yang mempunyai 100 billion sel neuron dan setiap satu boleh membina 10,000 hubungan atau jalinan dengan neuron-neuron lain. Walaupun begitu, kedua-dua hemisfera ini mempunyai fungsi yang berbeza tetapi saling berkait antara satu dengan yang lain untuk mengoptimumkan fungsi otak. Kajian oleh neurosains membuktikan bahawa kecenderungan penggunaan hemisfera otak akan membentuk perwatakan seseorang yang mana jika anda sering memberi fokus kepada keseluruhan gambar berbanding cirinya ada berkemungkinan cenderung menggunakan otak kanan. Begitu juga sebaliknya, jika anda cenderung fokus kepada ciri-ciri terhadap sesuatu gambaran itu, anda cenderung menggunakan otak kiri (Whipple, K.). Dalam memaksimumkan fungsi otak, anda seharusnya berkebolehan melihat sesuatu perkara itu secara keseluruhan dan juga memberi tumpuan kepada perkara-perkara kecil sepertimana yang disarankan dalam penyelesaian masalah untuk berfikir secara kritis dan kreatif.

Mari kita lakukan aktiviti ini untuk melihat penggunaan hemisfera otak anda yang manakah lebih dominan?

1. Cuba anda letakkan tangan di atas kepala, tangan yang manakah yang digunakan?

- A. Tangan Kanan
- B. Tangan Kiri

2. Cuba anda tutup mata anda menggunakan tangan anda, mata yang mana akan ditutup?

- A. Mata Kanan
- B. Mata Kiri

3. Cuba anda silangkan kaki, kaki yang manakah akan diletakkan di bahagian atas?

- A. Kaki Kanan
- B. Kaki Kiri

(Jika jawapan anda lebih kepada 'A', ini bermaksud penggunaan hemisfera kiri anda lebih dominan. Jika jawapan anda lebih kepada 'B', penggunaan hemisfera kanan anda lebih dominan. Jika jawapan anda merangkumi 'A' dan 'B', anda menggunakan kedua-dua hemisfera otak anda.)

Penggunaan hemisfera anda yang manakah lebih dominan? Hemisfera kanan atau hemisfera kiri? Dikatakan bahawa manusia yang cenderung menggunakan hemisfera kiri adalah seseorang yang berdisiplin tinggi, menepati waktu dan membuat keputusan berdasarkan logik akal. Bagi manusia yang gemar bersosial, ramah, terlibat dalam bidang seni merupakan pengguna yang dominan kepada hemisfera kanan.

Kelebihan memaksimumkan fungsi kedua-dua belah hemisfera otak akan menjadikan diri kita lebih kreatif dan kritis dalam penyelesaian masalah atau memberikan sebarang pendapat. Cara pandangan dan fikiran terhadap sesuatu perkara juga akan berbeza dari pelbagai sudut. Jadi adakah anda mahu terus melatih menggunakan sebelah hemisfera otak sahaja? Tentu tidak bukan. Anda tidak perlu risau dan kawatir kerana penggunaan kedua-dua hemisfera ini boleh dilatih.

OTAK KANAN VS OTAK KIRI



APA PERLU WARIS LAKUKAN APABILA PESARA ATAU PENERIMA PENCEN MENINGGAL DUNIA DAN TIDAK MEMPUNYAI WARIS YANG LAYAK MENERIMA PENCEN TERBITAN?

info PESARA

Rizuani Abdul Rahman

Jika pesara ataupun penerima pencen meninggal dunia dan tiada orang yang layak lagi untuk menerima Pencen Terbitan, waris hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:

1. Memaklumkan kepada Bahagian Pencen, JPA dengan segera tentang kematian pesara ataupun penerima pencen tersebut dan sertakan:

- (i) Satu (1) salinan sijil mati gemulah;
- (ii) Kad Pesara yang asal;
- (iii) Waran yang masih belum ditunaikan, jika berkenaan.

2. Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA akan menguruskan baki pencen (jika ada) dan bayaran akan dibuat kepada waris yang terdekat. Waris hendaklah mengemukakan sesalinan Kad Pengenalan beliau.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pencen terbitan kepada anak akan diteruskan selagi mereka tidak mencapai umur 21 tahun atau berkahwin mengikut mana yang terdahulu. Bagi anak yang sedang menuntut di IPT menuju ke ijazah pertama, pencen terbitan akan diteruskan sekiranya kematian pesara berlaku semasa anak tersebut belum mencapai umur 21 tahun atau selagi mereka tidak berkahwin atau berhenti menuntut atau mendapat ijazah tersebut mengikut mana yang terdahulu.

Bagi anak cacat otak atau hilang upaya jasmani secara kekal dan tidak berupaya menanggung diri sendiri, pencen terbitan akan diteruskan sepanjang hayatnya.

Pencen terbitan kepada balu / duda di mana perkahwinannya dengan gemulah dilangsungkan dalam persaraan serta anak hasil dari perkahwinan itu akan dihentikan setelah 20 tahun dari tarikh gemulah bersara.

Anak yang menerima pencen terbitan bertanggungjawab memberitahu Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA jika ia berkahwin atau telah mendapat ijazah pertama atau berhenti menuntut.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali ke-21 (12 September 1988) telah bersetuju bahawa Ganjaran Terbitan dan Pencen Terbitan tidak termasuk sebagai harta pusaka, maka faedahnya tidak tertakluk kepada kaedah pembahagian harta pusaka.

GASING

BOLEH DIKOMERSILKAN SEBAGAI

SUKAN DUNIA



ZAINAL JASLAN

Gasing merupakan satu permainan tradisional Melayu yang biasanya dimainkan seusai waktu menuai. Permainan gasing dalam bentuk pertandingan antara kampung dan daerah dikira pemenang berdasarkan kemampuan gasing berpusing. Gasing biasanya diperbuat daripada kayu bebaru, keruing, merbau, rambai, durian dan kundang. Tali gasing biasa dibuat daripada kulit kayu bebaru. Panjang tali biasanya berukuran 1 meter namun ia bergantung juga kepada panjang tangan pemain. Minyak kelapa digunakan untuk melicinkan pergerakan gasing.

Namun dari semasa ke semasa, keadaan telah berubah. Kayu yang semakin sukar didapati. Keselamatan pemain dan penonton juga harus diberikan keutamaan. Ini menyebabkan seorang pengamal permainan gasing, Encik Mohamad Jais Razali berusaha mencipta gasing polimer yang lebih selamat sejak 10 tahun yang lalu. Gasing dari polimer ini tidak perlu timah untuk mengimbang berat dan gerak gasing. Ia tidak mudah pecah sebagaimana gasing kayu dan kos penyelenggaraannya juga lebih murah.

Sebelum gasing diselaraskan pada tahun 1970, permainan gasing berbeza antara satu negeri dengan yang lain. Permainan gasing mendapat sebaran meluas berikutan peristiwa Kongres Kebudayaan di Universiti Malaya pada 16 April 1971. Dalam kongres tersebut, Tan Sri Mubin Shapperd telah membentangkan kertas kerja berkaitan dengan permainan wau, permainan gasing dan pembuatan patung wayang kulit. Ekoran dari kongres tersebut, peminat dan pengamal gasing mula mempraktikkan permainan gasing.

Kemahiran dalam permainan gasing berkaitan dengan kepandaiannya memusing, memangkah, mengangkat, menegak dan membela uri. Memandangkan pertandingan gasing ini mempunyai potensi untuk dipertandingkan sebagai sepak takraw di peringkat antarabangsa, Encik Mohamad Jais mahu ianya akan direalisasikan suatu masa nanti.



ASAL USUL PERMAINAN GASING

Ada beberapa sumber asal usul permainan gasing. Sumber dari Terengganu mengatakan bahawa gasing berasal dari permainan memusingkan buah berembang. Buah berembang berbentuk bulat, tinggi dan agak licin. Buah yang mudah didapati di persisir pantai ini digunakan oleh ahli pencak silat sebagai satu latihan untuk menguatkan tangan. Bagi sesetengah tempat pula, buah berembang juga dikenali sebagai buah perepat (*sonneratia alba*). Dari buah berembang inilah gasing mendapat ideanya. Dalam permainan buah berembang, buah berembang dipusingkan dengan menggunakan tangan. Buah berembang yang berpusing paling ligat dan paling lama akan dikira sebagai pemenang. Ia mendapat namanya daripada cantuman dua perkataan iaitu 'gah berpusing'. 'Gah' dalam istilah permainan gasing bermaksud berpusing dengan ligat dan tegak.



Sumber dari Kedah mengatakan permainan gasing berasal dari permainan 'laga telur ayam'. Permainan gasing dan melagakan telur ayam ini menjadi kegemaran kanak-kanak pada zaman dahulu. Kemudian timbullah idea untuk membuat gasing mengikut bentuk telur.

Sumber dari Pahang pula mengatakan bahawa gasing merupakan sejenis alat untuk berburu binatang. Alat ini berpusing apabila dilemparkan ke arah binatang. Permainan gasing dikatakan berpunca dari kegiatan waktu lapang pemburu yang ingin menguji kecekapan melempar dan mengenai sasaran.

STRUKTUR GASING

Gasing mempunyai 3 bahagian iaitu kepala, badan dan buritan gasing. Terdapat sedikit lekukan di bahagian bawah kepala ini dipanggil leher gasing. Gunanya ialah untuk melilitkan tali gasing. Paksi diletakkan di bahagian buritan untuk menjaga keseimbangan putaran gasing di atas tapak permainannya.

Kepala Gasing

Badan Gasing

Buritan Gasing



Selain Malaysia, gasing juga didapati di negara Asia lain, Afrika dan Eropah. Walau bagaimanapun bentuk dan cara permainannya berlainan mengikut kepada alam persekitaran budayanya.

Gasing timah dan gasing leper hanya terdapat di negeri Kelantan. Gasing paku di Kuala Selangor punya persamaan dengan gasing uri di Kedah dan Pattani. Gasing Riau dikatakan berasal dari Melaka. Meskipun gasing di kenal sebagai permainan nusantara, daerah asalnya belum dapat dikenali. Gasing dikatakan telah dimainkan di Pulau Naura sebelum penjajahan Belanda di Indonesia. Di daerah Sulawesi Selatan sejak tahun 1930.

Gasing hanya dimainkan oleh kaum lelaki, sama ada kanak-kanak, remaja ataupun golongan dewasa. Ia selalu dimainkan di halaman rumah yang mempunyai ruang yang luas dan permukaan tanah yang keras. Ia dimainkan secara individu atau berkumpulan.



JENIS GASING

Terdapat banyak gasing di Malaysia. Gasing-gasing itu antaranya ialah **GASING LEPER** di Kelantan. Ia berbentuk leper, mempunyai ketinggian 6 cm, berat 8 kg dan lilitan 48 cm. Gasing ini kategori berat kerana dengannya ia mampu berpusing lebih lama.



GASING URI bentuknya sedikit rendah dan leper. Beratnya 6 kg, lilitannya 60 cm dan ketinggiannya 8 cm. Gasing ini disimpai dengan timah, besi dan plumbum. Sekiranya simpai diperbuat dari timah, ia digunakan untuk memusing sebaliknya kalau dari besi ia digunakan untuk memangkah. Gasing ini kecil tetapi berat.

GASING KUNO pula berbentuk sederhana dan berembang. Beratnya 0.6 kg, lilitan 30 cm dan tinggi 8 cm. Terdapat di negeri Kelantan, Terengganu, Johor,



Pahang, Kedah dan Selangor. Gasing untuk memangkah dibuat dari kayu merbau, ru, meranti dan keranji.



GASING BABA berbentuk seperti telur dan tinggi. Berat 0.6 kg, lilitan 38 cm, tinggi 30 cm. Gasing ini terdapat di Kelantan, Pahang, Perlis, N. Sembilan, Melaka dan Selangor. Ia dimainkan oleh kaum Baba.

GASING JANTUNG berbentuk jantung yang mempunyai keberatan 0.28 kg, lilitan 20 cm dan tinggi 12 cm. Di Kelantan, kayu yang digunakan untuk membuat gasing ini ialah kayu merbau. Manakala di negeri-negeri lain, kayu melawis, mengaris atau sepetir juga digunakan. Selain gasing jantung, ia dikenali juga dengan nama gasing lundu. Gasing ini terdapat di negeri Sarawak, Pahang, Perak, Kelantan, Kedah dan N. Sembilan.



GASING TANJUNG berbentuk berembang. Berat 8.6 kg. Lilitan 30 cm dan tinggi 10 cm. Gasing tanjung sama fungsinya dengan gasing toyol iaitu ditugaskan untuk membuat kacau. Ia dibuat dari kayu keranji, kempas, cengal atau merbau.

TOKOH PERMAINAN GASING

Tokoh permainan gasing adalah mereka yang telah banyak memberikan sumbangan terhadap permainan dan industri gasing. Prof. Dr. Shamsuddin Sulaiman dari Jabatan Kejuruteraan Teknikal dan Pembuatan, Universiti Putra Malaysia merupakan pereka gasing plastik atau polytop yang diperbuat daripada polimer. Polytop yang dibuat daripada polimer kerana memberi penghasilan secara inovasi dan menyahut seruan teknologi hijau kerana bahan terhasil tanpa menggunakan sumber kayu yang mana dahulu pembuatan gasing memerlukan material dari pokok-pokok dalam hutan.

KOH KIM BOK

Dikenal sebagai Raja Gasing kerana sumbangannya terhadap permainan gasing. Dilahirkan di Bukit Rambai, Melaka pada 11 Ogos 1942 dan bermain gasing sejak berumur 13 tahun. Memenangi Kejohanan Gasing Merdeka pada tahun 1957 peringkat Negeri Melaka. Beliau menyertai Kejohanan Gasing Peringkat Kebangsaan pada tahun 1972 di Johor. Semenjak penglibatannya dalam persatuan gasing, beliau menjadi menjadi Pengerusi Persatuan Gasing Melaka, Pengerusi Pengadil Gasing Malaysia dan Pengerusi Teknikal Gasing Malaysia.

Beliau juga telah memberi ceramah mengenai gasing di Kemboja, Brunei, Singapura, Thailand dan Sepanyol. Beliau juga mempunyai bengkel pembuatan gasing yang boleh menghasilkan kira-kira 200 hingga 300 biji gasing setahun. Mengenangkan jasanya dalam permainan dan industri gasing ini, Koh Kim Bok telah menerima Anugerah Khas Tukang Ulung Kraftangan Malaysia pada tahun 2013 sempena Hari Kraf Kebangsaan.

MOHAMAD JAIS RAZALI

Dilahirkan di Sanggang, Temerloh, Pahang. Menurutnya pada tahun 1960 hingga 1970 permainan gasing di kampungnya merupakan satu permainan yang popular di kalangan kanak-kanak, remaja dan orang-orang dewasa. Beliau mulai menyertai permainan gasing di peringkat kebangsaan di seluruh Malaysia pada tahun 1993. Pada tahun 2005, permainan gasing telah dijadikan subjek ko-kurikulum di sekolah dan ketika itu membekalkan gasing menjadi masalah. Mohamad Jais mencari alternatif lain membuat gasing menggunakan polimer. Usaha sama dengan Universiti Putra Malaysia, membolehkan gasing plastik atau polytop yang dibuat daripada polimer dihasilkan.

ABDUL RAZAK HAJI ALI (78)

Dilahirkan di Kampung Kubang Telaga, Kedah. Seorang petani dan pembuat gasing uri yang terkenal di Kedah. Terlibat dalam permainan gasing sejak berumur 19 tahun.

MUHAMAD MUSTAKIM ABDULLAH

Dilahirkan di Kampung Bukit Kapar, Kelang pada 24 Disember 1948 merupakan seorang tokoh gasing di daerahnya.

SAID ABU BAKAR (85)

Masih bergiat dalam pembuatan gasing. Beliau mengusahakan bengkelnya di Kampung Bunuhan, Tumpat, Kelantan. Pak Da Said gelarannya merupakan pengusaha gasing di negeri Kelantan yang masih ada. Beliau boleh menghasilkan sebuah gasing dalam masa 20 minit dengan harga upahnya RM4.00 sahaja.

"Sekarang mudah, tidak macam dulu yang mengambil masa 7 jam untuk menghasilkan sebuah gasing dengan peralatan konvensional"

PERMAINAN GASING

MELILIT TALI

Terdapat cara melilit tali gasing iaitu cara melilit di lengan atau melilit di jari kelingking. Kemudian lilitan itu dipindahkan ke gasing. Lilitan yang kemas menghasilkan pusingan yang lebih lama. Lilitan yang dimasukkan ke pergelangan lengan pemain dan cecincin di hujung tali diikat bulat akan menjadi penyimpul hidup. Ini akan memudahkan pemain kerana apabila ditarik ia tidak mudah terurai.

MEMUSING GASING

Terdapat banyak gaya memusing gasing. Pemain memegang gasing dengan lengan dalam kedudukan tegak, iaitu kepala gasing menghala ke atas dan diangkat tinggi. Kedudukan gasing kira-kira 30 darjah dari paras lengan. Tangan dihayun ke arah sasaran dengan kedudukan gasing tegak hingga sampai ke hadapan, sebelum dilepaskan. Setelah gasing terpacak ke bumi, sedikit sentapan dibuat dan dipastikan ia berada dalam keadaan tegak. Jika tidak, gasing akan meliuk dan pusingan akan menjadi kurang ligat.

MEMANGKAH GASING

Terdapat empat gaya pangkahan iaitu pangkah totok, pangkah hentak, pangkah tebang dan pangkah layang. Pangkahan dilakukan dari jarak dekat dan pemain perlu membongkokkan badannya. Kemudian gasing mestilah di aras bahu dan siku, separas pula dengan bahu pemangkah. Sasaran memangkah ialah pada bahagian labu, kepala atau bahu gasing. Pangkahan ini bertujuan untuk menghalakan gasing lawan ke luar dari kawasan permainan.

Untuk melakukan pangkah hentak, badan pemangkah mestilah tegak. Tangan pula diletakkan tegak di atas kepala dengan memegang gasing secara tegak. Gasing dihayun tegak serta kuat ke arah sasaran. Sasaran ialah pada kepala labu dan bahu gasing. Gasing yang sesuai untuk melakukan pangkah hentak ialah gasing berembang dan gasing lapu. Pangkahan ini bertujuan memecah atau merosakkan gasing lawan.

MENGGANGKAT GASING

Mengangkat gasing memerlukan kemahiran, kesabaran dan kecekapan yang tinggi. Sebelum gasing diangkat, pemain mesti terlebih dahulu menentukan liuk arah pusingan dan kedudukan gasing. Bahagian terendah pada patak inilah yang sesuai diangkat. Mengangkat gasing dilakukan dengan menggunakan tali dan coker. Keadaan gasing semasa hendak diangkat hendaklah berada dalam keadaan tegak. Tali yang digunakan untuk mengangkat gasing mestilah tegang dan ketika mengangkat patak elakkan dari tersentuh tali yang boleh mengurangkan keligatan pusingan gasing tersebut.

KESIMPULAN

Permainan gasing terdapat di seluruh kepulauan Indonesia. Di Jawa dan Jakarta ia dikenali sebagai panggag atau gangsing. Di Lampung dikenali sebagai pukang. Di Jambi, Bengkulu, Tanjung Pinang dan Kepulauan Riau ia dikenali sebagai gasing, di Kalimantan Timur disebut begasing, di Bali dipanggil megangsing, di Nusatenggara Barat dipanggil maggasing dan di Maluku dipanggil apiong. Terdapat 70 jenis gasing semua di seluruh Indonesia. Oleh yang demikian, adalah amat wajar permainan gasing diperluaskan permainannya ke peringkat antarabangsa di masa akan datang. Secara intihannya, permainan gasing ini haruslah sentiasa dijaga seninya agar ianya tidaklah menjadi satu nama yang hanya sekada dipandang enteng oleh masyarakat.

Jika semua pihak memandang acuh tidak acuh dan bersikap seperti melepaskan batuk di tangga terhadap permainan tradisional ini, khazanah budaya tradisi kita sendiri akan lenyap di muka bumi. Usahlah bersikap sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna, jangan apabila permainan gasing sudah tinggal bebayang barulah kita meraba mencari titik pangkal untuk mengembalikan identiti permainan tradisi gasing ini.



Pantun

DALAM ACARA RASMI DAN KEGUNAANNYA

Masyarakat Melayu sangat mementingkan pertuturan. Dalam majlis dan pelbagai acara rasmi, bahasa yang dituturkan hendaklah selaras dengan majlis. Telah menjadi kebiasaan, majlis akan berselang-seli dengan pantun.

Pantun Melayu terdiri dari beberapa jenis pantun seperti pantun adat, agama, nasihat, jenaka, budi dan teka-teki. Dalam masyarakat Melayu, pantun merupakan satu corak komunikasi berseni yang digunakan di tempat-tempat tertentu, dalam upacara yang tertentu juga. Atau untuk menyampaikan sesuatu maksud termasuk kiasan itu sendiri. Penggunaan pantun dalam menyampaikan sindiran bertujuan agar mereka yang kena sindir atau yang dinasihat itu tidak akan marah, tetapi sebaliknya berazam untuk memperbaiki perbuatan dan perangai yang tidak disenangi. Pantun di percayai dicipta oleh masyarakat Melayu untuk beberapa penggunaan antaranya;

Pantun Bertujuan Untuk Mendidik

Masyarakat Melayu mendidik dengan perumpamaan dan pantun. Ia disampaikan secara kiasan dan sindiran tanpa terus kepada maksud dan maknanya. Ini menjadi penerima dapat mengekses maksud yang ditujukan dengan beberapa pertimbangan. Pengajaran yang selalu disarankan melalui pantun antaranya tentang hubungan keluarga dan masyarakat, keharmonian dalam sesebuah negara dan lain-lain. Mereka akan menggunakan perlambangan.

Contoh-contoh pantun mengenainya adalah seperti berikut;

**Apa guna berkain jarang
kalau tidak dengan kebaya
apa guna hidup membujang
nikmat hidup tidak terasa**

**Ada apa di dalam lubang
dalam lubang ada buaya
ada apa kepada abang
abang ada, adik tak punya**

Pantun sebagai nasihat ini sama ada diberikan kepada orang tua kepada anak-anak muda atau pun ianya dijadikan bahan gurau senda sesama mereka. Tetapi golongan tua lebih suka memberi pantun-pantun nasihat untuk membentuk siasah golongan muda. Pantun yang menggunakan berperlambangan daripada alam flora dan fauna. Lihat sebagaimana pantun ini;

**Air melurut tepian mandi
bunga senduduk kembang berseri
elok diturut resmi padi
makin tunduk makin berisi**

**Parit Sulong Batu Pahat
tempat bujang berkeluh-kesah
kalau hidup hendak selamat
perintah Tuhan diambil kisah**

Masyarakat Melayu sangat prihatin dengan adat terutamanya golongan tua yang lebih 'makan garam'. Mereka mempunyai banyak pengalaman yang boleh dihargai oleh generasi muda. Dalam majlis-majlis tertentu seperti keraian untuk walimatul-urus dan sebagainya, golongan

tua akan berpantun mengenai kasih sayang.

**Ribu-ribu pohon mengkudu
cincin purata buah berangan
kalau rindu sebut namaku
air mata dibuang jangan**

**Tok Sura Kuala Lipat
anak haruan anak gelama
datang kami membawa hajat
kalau sudi tolong terima**

**Pokok cempedak di balik kedai
pokok nenas balik angšana
kalau tuan orang yang pandai
manusia mana cabang lidahnya**

Begitu pula pantun jenaka adalah untuk tujuan melepaskan penat lelah. Pantun jenaka menunjukkan kadar humor yang tinggi dalam masyarakat Melayu.

**Tuan puteri memasang panjut
dayang tolong menghalau lalat
kucing tidur bangkit terkejut
melihat tikus pandai bersilat**

**Susun pinang rapat-rapat
mainan anak orang benggali
anak ayam terloncat-loncat
nampak itik selepas mandi**

Pantun jenaka menunjukkan betapa dunia Melayu dipenuhi dengan humor untuk tujuan hiburan dan gurauan. Selain gurauan ia juga dapat menghiburkan hati yang resah gelisah.

Pantun Dalam Majlis Perkahwinan Melayu

Majlis persandingan Melayu berjalan dalam tartil dan suasana takzim. Sesuai dengan gelarannya 'Majlis Mempelai atau Raja Sehari' majlis persandingan Melayu layaknya upacara di istana. Yang demikian, seluruh majlis harus berjalan dengan tertib dan hormat sama ada dari segi berpakaian dan berbahasa. 'Pembawa Majlis' mempunyai tanggungjawab yang

berat untuk mencipta 'mood' yang baik, berkat, suci dan beradat. Bagi tujuan memastikan semua pihak berpuas hati dengan kelancaran perjalanan majlis, kata-kata yang indah amat sesuai dinikmati dan dibawa pulang segala intisarinya. Banyak pihak yang terlibat dalam majlis selain Tuan Rumah, besan, masyarakat setempat dan pemimpin masyarakat.

'Pembawa Majlis' harus menghindari beberapa kesalahan lazim iaitu;

- **Cuba menarik perhatian umum terhadap dirinya**
- **Tidak berlatih dan menghafal skrip**
- **Menunjuk-nunjuk kehebatan dan penampilan diri**
- **Berlebihan dalam berhumor dengan hadirin**
- **Meniru gaya pengacara awam seperti pengulas sukan, personaliti TV dan sebagainya**

'Pembawa Majlis' perkahwinan dan persandingan adalah 'mulut' kepada Tuan Rumah. Teks yang dibaca oleh Pembawa Majlis merupakan isi hati Tuan Rumah. Apa yang keluar daripada mulut Pembawa Majlis adalah kata-kata Tuan Rumah, hanya saja kata-kata itu diucapkan oleh ke dua bibir wakilnya iaitu 'Pembawa Majlis' (Ainon Mohamad)

Fungsi Bahasa Berirama

Bahasa berirama digunakan bagi 2 tujuan utama iaitu;

1. Menyampaikan mesej yang tidak mudah disampaikan dengan menggunakan bahasa biasa dan;
2. Bagi memuliakan lagi majlis-majlis yang telah sedia mulia.

Bahasa berirama dibentuk bagi memenuhi konteks

- Mengkritik
- Menyindir
- Menegur
- Mengarah
- Memarahi
- Menegah
- Mengancam
- Memberi amaran
- Menolak permohonan
- Menyuruh
- Mencabar
- Mengapi-apikan
- Mengejek
- Memperolok-olok
- Memperbodoh
- Menghina

Menyampaikan Maksud Positif

- Menasihati
- Bertanya
- Memuji-muji
- Menghargai
- Mengiktiraf
- Mengampu
- Memperbesar-besarkan
- Menyukakan hati
- Menghibur
- Memuliakan
- Meminta maaf
- Menyampaikan pesan
- Memuliakan majlis
- Menyampaikan nilai-nilai tradisional
- Menyampaikan penghargaan dan terima kasih
- Menyatakan peraturan
- Menyatakan penjelasan
- Memohon doa
- Menyampaikan harapan
- Memujuk
- Merendah diri
- Menyampaikan peringatan
- Menerangkan

Fungsi Skrip 'Pembawa Majlis'

Skrip adalah bahan yang akan disampaikan oleh 'Pembawa Majlis'. Walaupun skrip itu dibaca, namun percakapan hendaklah seperti percakapan seharian yang normal.

Fungsi skrip ialah;

- Sebagai alat pengendali masa dan jadual majlis
- Menjaga imej majlis
- Memastikan misi dan tujuan majlis
- Tidak berlaku kesilapan

Gaya bahasa yang digunakan sentiasa betul. Skrip yang baik ialah mudah dibaca oleh 'Pembawa Majlis' dan difahami oleh hadirin.

Skrip yang disediakan oleh 'Pembawa Majlis' hendaklah disemak oleh Tuan Rumah terlebih dahulu. Guna perkataan yang difahami pendengar. Guna ayat sederhana dan pendek. Tulisan hendaklah ditulis dalam huruf kecil. Nama-nama institusi, jabatan dan jawatan hendak dieja penuh bukan kependekan atau singkatan. Lain-lain peringatan;

- Dua bukan ditulis dengan angka 2

Lebih dua angka ditulis;

- 25 bukan ditulis 'dua puluh lima.
- 375 bukan ditulis 'tiga ratus tujuh puluh lima'

Lebih daripada 999, ditulis;

- 5 ribu bukan 5,000
- 420 ribu bukan 420,000

Angka-angka pecahan ditulis;

- Dua per tiga bukan ditulis dengan angka $\frac{2}{3}$

Mata wang ditulis;

- 6 ribu ringgit bukan ditulis dengan angka RM 6,000

Skrip hendaklah ditulis di atas sekeping kertas. Tidak menggunakan ayat yang bersambung pada dua bahagian kertas. Penggunaan kertas depan dan belakang adalah tidak digunakan, penulis skrip harus menggunakan helaian kertas yang lain untuk menyambung ayat yang seterusnya.

Tuntasnya, pantun adalah satu item yang bakal menjadi penyeri majlis dan juga boleh menjadi halwa telinga kepada tetamu untuk mengelakkan daripada tetamu menjadi bosan dan terasa hambar. Dengan adanya kewujudan pantun ini adalah boleh membuatkan tetamu atau pendengar berfikir sejenak tentang nasihat yang diberikan.

Bahan Terbitan

JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن کبودایان دان کسنيان نگارا
NATIONAL DEPARTMENT FOR CULTURE & ARTS





KESENIAN & KEBUDAYAAN DALAM PENYUBURAN INTEGRASI NASIONAL DI MALAYSIA

Buku ini merupakan kompilasi tulisan tentang kesenian dan kebudayaan serta hubungannya dengan kerangka pembinaan negara bangsa. Himpunan karya oleh sarjana dari pelbagai disiplin kesenian dan kebudayaan dibentangkan dengan tujuan menggagaskan sebuah wacana bertemakan perpaduan dan integrasi nasional.

RM 11.00
ISBN: 978-967-5552-55-7



MANUSKRIP SYARAHAN PERDANA BUDAYA 2011 - 2016

Buku ini merupakan kompilasi Manuskrip Syarahan Perdana Budaya yang telah dilaksanakan dari tahun 2011 hingga 2016. Program Syarahan Perdana Budaya merupakan program keilmuan yang menjadi wadah dan landasan perkongsian serta ilmu pengetahuan daripada tokoh-tokoh negarawan. Keseluruhan topik pengucapan daripada tokoh-tokoh di atas bertujuan untuk memperkasakan kefahaman masyarakat mendepani masa depan dengan lebih gemilang.

RM 25.00
ISBN: 978-967-5552-57-1



SILAT WARISAN BANGSA MALAYSIA

Silat ialah seni bela diri bangsa Melayu yang kini diiktiraf sebagai seni bela diri dalam Akta Warisan Negara. Ia menjurus kepada silat Melayu yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang dianggap sebagai silat asli tempatan atau silat versi Malaysia yang menjadi maksud pada tajuk Silat Warisan Bangsa Malaysia. Buku ini amat sesuai dibaca, bersesuaian dengan matlamat 1Malaysia dalam agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

RM 25.00
ISBN: 97-967- 5552-62- 5




CERITA LISAN JAKUN : DARI LEMBANGAN ENDAU - ROMPIN

Penerbitan Buku Tradisi Lisan Jakun : Dari Lembangan Endau – Rompin mengetengah dan menonjolkan keunikan dan keistimewaan yang dimiliki oleh suku kaum Jakun dalam konteks sastera lisan di Malaysia.

RM 13.00
ISBN: 978-967-5552-58-8


CD / DVD TERBARU



GEMA WARISAN GEMELAN MELAYU

Menghimpunkan lagu-lagu Gamelan yang menampilkan beberapa ciptaan yang sudah lama tidak dimainkan, termasuk lagu-lagu yang tidak pernah dirakamkan dalam mana-mana album Gamelan di pasaran. Kebanyakan lagu-lagu ini dicipta berdasarkan pada Hikayat Seri Rama. Terdapat juga notasi bagi setiap lagu disertakan untuk panduan umum dan juga bagi tujuan pembelajaran.

RM 15.00
TAHUN : 2015



KESENIAN & KEBUDAYAAN DALAM PENYUBURAN INTEGRASI NASIONAL DI MALAYSIA

Memaparkan rakaman persembahan tarian negeri-negeri termasuk tarian kaum Cina dan India. Tarian-tarian yang dipersembahkan merupakan tarian yang menjadi tanda atau lambang kepada negeri tersebut termasuklah tarian etnik yang jarang diperlihatkan kepada umum.


RM 20.00
TAHUN : 2015





KATEGORI BUKU

BIL.	TAJUK	TAHUN TERBITAN	HARGA RM
1.	Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan	2003	8.50
2.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah	2003	8.50
3.	Istiadat Naik Buai	2003	8.50
4.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang	2003	10.00
5.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis	2003	8.50
6.	Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	2003	48.00
7.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	2003	48.00
8.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani	2004	12.00
9.	Joget Lambak	2004	10.00
10.	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang	2004	12.00
11.	Penyair Laut J. M. Aziz	2004	30.00
12.	Syair Asyiqin	2004	12.00
13.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu	2004	20.00
14.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu	2004	15.00
15.	Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung	2005	15.00
16.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Tebal)	2005	43.00
17.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Nipis)	2005	35.00
18.	Acting Aspect in Bangsawan Theatre	2005	35.00
19.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita	2005	15.00
20.	Seri Terengganu	2005	25.00
21.	1000 Pantun Dondang Sayang	2006	20.00
22.	Adat Resam Masyarakat Malaysia	2006	18.00
23.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia	2006	18.00
24.	Joget Gamelan Terengganu & Pahang	2006	78.00
25.	Resepi Nasi 100	2006	30.00
26.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Tebal)	2006	52.00
27.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Nipis)	2006	30.00
28.	Syed Alwi Artiste Extraordinaire	2006	30.00
29.	Tradisi Lisan Bercorak Cerita	2006	30.00



BIL.	TAJUK	TAHUN TERBITAN	HARGA RM
30.	Alam Terbentang Menjadi Guru	2008	20.00
31.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid 1)	2008	20.00
32.	Bahasa Melayu Titian Ilmu (Jilid II)	2008	20.00
33.	Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid III)	2008	20.00
34.	Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin)	2008	35.00
35.	Malaysian Festivals	2008	25.00
36.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara	2008	23.00
37.	Pantun Warisan Rakyat	2008	15.00
38.	Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia	2009	23.00
39.	Plural Culture & Society In Malaysia	2009	20.00
40.	Lundayeh Dictionary	2009	45.00
41.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Tebal)	2009	20.00
42.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Nipis)	2009	17.00
43.	Malaysian Culture (Kulit Tebal)	2009	20.00
44.	Malaysian Culture (Kulit Nipis)	2009	17.00
45.	Koleksi Lagu-lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD)	2009	33.00
46.	Pemikiran Kesusasteraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan	2009	16.50
47.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus	2009	10.00
48.	Malaysian Customs & Traditions	2010	28.00
49.	Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya	2010	25.00
50.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kumpang Jawa	2010	15.00
51.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin)	2010	42.00
52.	Bahasa Dijajaran Masa	2011	15.00
53.	Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis	2011	25.00
54.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin)	2011	20.00
55.	The Malays Language : Bridge To Knowledge (Volume II)	2011	20.00
56.	Koleksi Puisi Tradisional Berbalas Pantun Merakam Zaman	2011	35.00
57.	Kanjat	2012	25.00
58.	Lirkan Lirik	2012	30.00
59.	Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia	2012	30.00
60.	Gambus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor	2013	25.00
61.	Monograf Seni Budaya Bil. 1	2013	30.00
62.	Monograf Seni Budaya Bil. 2	2013	24.00
63.	Bobolian : Seni Teater Etnik Dusun	2014	34.00
64.	The Traditional Musical Instruments Of The Malays In Malaysia	2014	27.00
65.	Seni Berbari	2014	34.00
66.	Perubahan Sosio Budaya Dalam Masyarakat	2014	33.00
67.	Malaysian Weddings	2014	28.00
68.	Globalisasi & Cabaran Budaya Di Malaysia	2015	20.00
69.	Modul Inspitari Siri 1 : Pilihan Tarian-Tarian Inspitari 2013 (Bersama DVD)	2015	45.00
70.	Koleksi Pantun Majlis Rasmi	2015	10.00
71.	Modul Pengajaran & Pembelajaran Mak Yung	2015	23.00
72.	Koleksi Skrip Siri Semarak Bangsawan	2015	20.00
73.	Cerita Lisan Jakun : Dari Lembangan Endau – Rompin	2016	13.00
74.	Kesenian & Kebudayaan Dalam Penyuburan Integrasi Nasional Di Malaysia	2016	11.00
75.	Manuskrip Syarahan Perdana Budaya 2011- 2016	2016	25.00



KATEGORI CD/VCD/DVD

BIL.	TAJUK	BAHAN	TAHUN TERBITAN	HARGA RM
1.	Semangat Merdeka	VCD	2003	10.00
2.	Festival Kesenian ASEAN	VCD	2003	10.00
3.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003	VCD	2003	10.00
4.	Dendang Rakyat Terengganu	CD	2003	10.00
5.	Instrumental Keroncong	CD	2003	10.00
6.	Lagu-lagu Kumpulan Tumbuk Kalang	CD	2003	10.00
7.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	CD	2003	10.00
8.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2004	VCD	2004	10.00
9.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD	2004	10.00
10.	Lagu-Lagu Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng	CD	2004	10.00
11.	Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun	CD	2004	10.00
12.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD	2005	10.00
13.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD	2005	10.00
14.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD	2005	10.00
15.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD	2005	10.00
16.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	VCD	2005	10.00
17.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolok	VCD	2005	10.00
18.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD	2005	10.00
19.	Tunas Budaya	VCD	2005	10.00
20.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD	2005	10.00
21.	Dendangan Indera Kayangan	CD	2005	10.00
22.	Perfandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	CD	2007	10.00
23.	Senam Seni (Lama)	DVD	2008	10.00
24.	Bintang Asli Remaja 2006	CD	2008	15.00
25.	Dodoi Si Manja	VCD	2008	10.00
26.	Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia	DVD	2008	15.00
27.	Folk Tunes of Malaysia	CD	2008	10.00
28.	Irama Asli (Minus One)	CD	2008	20.00
29.	Irama Malaysia (Minus One)	CD	2008	20.00
30.	Lagu-Lagu Rakyat Malaysia : Zainal Abidin	CD	2008	10.00
31.	Festival Tari Kebangsaan 2009	DVD	2010	20.00
32.	Senam 1 Malaysia (Baru)	DVD	2010	10.00
33.	Bangsawan 5 Bersaudara	DVD	2011	20.00
34.	Inspitari 2010	DVD	2011	20.00
35.	Bangsawan Celorong Cheloreng	DVD		10.00
36.	Gerak 2011	DVD		10.00
37.	Inspitari 2011 : Inspirasi Tari Malaysia (Bersama Buku)	DVD		30.00
38.	Inspitari 2012	DVD		20.00
39.	Inspitari 2013	DVD		26.00
40.	Puisi Tradisional	CD		13.00
41.	Karaoke Lagu Rakyat Malaysia	DVD & CD		20.00
42.	Konsert Koir Kebangsaan – Kembara Muzikal Teater & Filem	DVD		20.00
43.	Konsert Koir Kebangsaan – ‘Voices Of Harmony’	CD		20.00
44.	A Malaysian Journey : Dennis Lau	CD		20.00
45.	Tingkah! – Muzik Paluan & Pergendangan	CD		15.00
46.	Inspitari 2014	DVD		20.00
47.	Koleksi Tarian Negeri-Negeri Di Malaysia	DVD		20.00
48.	Gema Warisan – Gamelan Melayu	CD		15.00
49.	Lagu-Lagu Inspitari 2013	CD		15.00
50.	Lagu-Lagu Inspitari 2014	CD		15.00
51.	Lagu-Lagu Inspitari 2015	CD		15.00

SERLAHAN SENI & BUDAYA ARTS & CULTURE HIGHLIGHTS

JKKN 2017

JABATAN KEBUDAYAAN & KEMAJUAN NEGARA
Jabatan Kebudayaan و Kemajuan نغارا

www.jkkn.gov.my

Pesta Angin Timur Perlis #MYSENIBUDAYA
East Wind Festival
3 hingga 5 Mac 2017
Kampung Padang Telela,
Pauh, Perlis

Festival Nasi Ambeng #MYSENIBUDAYA
15 & 16 April 2017
Homestay Banghurus,
Sepang, Selangor

Pesta Pantai Terengganu #MYSENIBUDAYA
Terengganu Beach Fiesta
17 hingga 25 Mac 2017
Pantai Batu Buruk,
Kuala Terengganu, Terengganu

GAZAL @MUAR #MYSENIBUDAYA
7 & 8 APRIL 2017
Dataran Tanjung Emas,
Muar, Johor

Festival Klate Folk Arts Festival #MYSENIBUDAYA
5 & 6 Mei 2017
Pantai Geting, Tumpat, Kelantan

Siri Semarak Bangsawan #MYSENIBUDAYA
'Cincin Naga Api' 12-14 Mei 2017
'Dewa Kenchana' 15-17 September 2017
'Zhou Si Anak Yatim' 13-15 Oktober 2017
'Dendam Laksamana' 10-12 September 2017
Masa : 8.30 min - 10.30 malam
Auditorium DBKL, Jalan Raja Laut, KLumpur
Tiket : RM50 (Premier) & RM10

Seni@Nogoghi #MYSENIBUDAYA
12 & 13 Mei 2017
Juasseh, Negeri Sembilan

IFTAR @ KL #MYSENIBUDAYA
3 & 4, 10 & 11, 17 & 18 Jun 2017
Jalan Raja, Dataran Merdeka, KL

FESTIVAL SENI BUDAYA LENGGONG #MYSENIBUDAYA
CULTURAL ARTS
LENGGONG FESTIVAL
30 Jun 2017
* Tarikh akan ditentukan kemudian

PESTA AIR CHENOR PAHANG #MYSENIBUDAYA
Water Fest @ Chenor
29 & 30 Julai 2017
Chenor, Maran, Pahang

Malaysia Gagah Championship #MYSENIBUDAYA
4 hingga 6 Ogos 2017
BERJAYA Times Square, KL

FESTIVAL TARI MALAYSIA #MYSENIBUDAYA
23 & 25 Ogos 2017
KICC, Kuala Lumpur

Rhythms of Kinabalu @ Ranau #MYSENIBUDAYA
Ritma Kinabalu @ Ranau
9 & 10 September 2017
Ranau, Sabah

Panggung Seni Tradisional #MYSENIBUDAYA
Traditional Arts Showcase
28 & 29 Julai 2017
Opera Cina (Kantonis)
25 & 26 Ogos 2017
Dramatari Klasik India
27 & 28 Oktober
Koleksi Tari Serumpun
Auditorium MPC, Jln Ampang
RM50 (VIP/Premier) & RM20 *(50% Diskaun - Pelajar, Warga Emas & OKU)

PERMAINAN TRADISIONAL MALAYSIA @KEPONG #MYSENIBUDAYA
16 & 17 September 2017
Taman Metropolitan, Kepong, KL

Mek Melubong @ Sintok #MYSENIBUDAYA
6 & 7 Oktober 2017
Universiti Utara Malaysia,
Sintok, Kedah

Joget @Melaka #MYSENIBUDAYA
'Let's Joget, Warisan Melaka'
3 & 4 November 2017
Kota A Famosa, Banda Hillir, Melaka

Festival Gendang Sarawak #MYSENIBUDAYA
Sarawak Drums Festival
17 & 18 November 2017
Waterfront, Kuching, Sarawak

KONSERT KOIR KEBANGSAAN MALAYSIA #MYSENIBUDAYA
25 & 26 November 2017
Kuala Lumpur

BORIA FESTIVAL RELAX & ENJOY #MYSENIBUDAYA
2 & 3 Disember 2017
Tapak Pesta Pulau Pinang

SEMARAKKAN
SENI BUDAYA
MALAYSIA



TEL : 03-2614 8200
www.jkkn.gov.my

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKKN

JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن كيو دا يان دان كسنيان نكارا

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara

Aras 16,18,19,26,27,30 Dan 34
Lot 1001, Menara Th Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2614 8200
Faks : 03-2697 0884

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Selangor,

Lot 22.2 Tingkat 22, Wisma Mbsa
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03 - 5510 2664/2791
No. Faks : 03 - 5510 2839

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pahang,

Kompleks JKKN Pahang,
Lot 57100, Jalan Tok Sisek,
25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
No. Tel : 09 - 517 8466
No. Faks : 09 - 517 9466

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Perlis,

Kompleks JKKN Perlis,
Persiaran Wawasan Kangar,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan,
No. Tel : 04 - 979 3604
No. Faks : 04 - 977 0117

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Wilayah Persekutuan,

Kompleks JKKN Wpkl,
Jalan Tun H.S Lee,
50000 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03 - 2072 6431/6779
No. Faks : 03 - 2070 4064

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Terengganu,

Kompleks JKKN Terengganu,
Kuala Ibai,
20400 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman
No. Tel : 09 - 617 8831
No. Faks : 09 - 617 8832

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kedah,

Kompleks JKKN Kedah,
Lot Ptd 400,
05250 Alor Setar,
Kedah Darul Aman,
No. Tel : 04 - 731 5930
No. Faks : 04 - 733 8128

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Sembilan,

Kompleks JKKN Negeri Sembilan,
Jalan Sungai Ujong,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus
No. Tel : 06 - 767 6793 /
763 6308
No. Faks : 06 - 763 4417

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kelantan,

Lot 1993, Seksyen 49,
Tanjong Chat,
15200 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim
No. Tel : 09 - 741 7000
No. Faks : 09 - 741 7004

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pulau Pinang,

Kompleks JKKN Pulau Pinang,
Kompleks Pusaka Warisan Seni,
Lot No. 2180 Jalan Rawang,
Off Jalan P. Ramlee,
10460 Pulau Pinang
No. Tel : 04 - 281 7791/7792
No. Faks : 04 - 281 7781

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Melaka,

Kompleks JKKN Melaka,
Lebuh Ayer Keroh,
75450 Melaka
No. Tel : 06 - 233 1790/233 1787
No. Faks : 06 - 233 1784

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Sarawak,

Tingkat 5 Bangunan Sultan
Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93000 Kuching,
Sarawak
No. Tel : 082 - 422 006/423 106
No. Faks : 082 - 244 394

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Perak,

Kompleks JKKN Perak,
Lot 20561 @ 20565,
Jalan Cardwell,
Off Jalan Raja Di Hilir
30350 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
No. Tel : 05 - 253 7001
No. Faks : 05 - 241 7017

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Johor,

Aras 6 Kiri, Wisma Perkeso,
No 26, Jalan Susur 5,
Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,
80200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
No. Tel : 07 - 224 8270/223 1249
No. Faks : 07 - 223 9413

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Sabah,

Kompleks JKKN Sabah,
Km 4 Jalan Penampang,
88200 Kota Kinabalu,
Sabah
No. Tel : 088 - 237052/051
No. Faks : 088 - 242 052



www.jkkn.gov.my

#mysenibudaya

"Semarakkan Seni Budaya Malaysia"

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan
Tingkat 30, Menara TH Perdana, Lot 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250
Kuala Lumpur.
Tel : 03 2614 8200 Faks : 03 2697 1066/1067